

JILID 30

BILANGAN 2

JUN 2014

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH

Wadiah

Meningkatkan Apresiasi Sastera

Dirgahayu Dewan Bahasa dan Pustaka
Introspeksi Diri Sastri Bakry

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan
1963/67 memperuntukkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa
kebangsaan hendaklah digunakan sebagai bahasa rasmi
dalam pentadbiran negara.



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Cawangan Sabah



ISSN 0127-0933



9 770127 093338

Mari Kita Melangkah

*Mari kita melangkah
tenang-tenang melihat
bagai anak riang bermain
di dunianya sendiri.*

*Kau tak perlu menyapa
sekalipun salam tak terucap
kau telah sampaikan
cukup dari sekilas pandangan matamu.*

*Ketika kau bertanya
pengakuan yang tulus
sukma dan tubuh ini bergetar
seperti terpanah kalimat suci
menusuk tepat pada sasarannya.*

*Kau yang ditinggalkan
memang aku tak mampu
menafsirkan di antara seribu malam
mendatang
yang jelas sama sekali
kau tak pernah dilupakan.*

*Aku telah lama merantau
sekarang pun aku seorang musafir
di celah-celah waktu
di ufuk senja
aku melangkah sempadan*

*dan aku tak akan bermimpi
mengakhirinya sebagai sebuah
sandiwara tragik
atau dirindui sebagai pelawak
drama komedi.*

*Kalau kau tak mendengar
aku dalam beberapa musim mendatang
pada langit selalu ada kedamaian
pada anak-anak huruf tersembunyi
ketenangan
dan memang mereka adalah teman-
teman
tak akan menyakiti sukma
apa lagi menyimpan dendam gunung
berapi.*

*Aku melihat wajahmu
tetap manis bagai mentari pagi
sukmamu penawar perjuangan
dan pengorbanan
kerinduan itu adalah penyempurnaan
iman.*

Sabahuddin Senin

Ketua Editor

Haji Jamaluddin Mohd. Sulong
(jamal@dbp.gov.my)

Timbalan Ketua Editor

Norjanah Yusof
(norjanah@dbp.gov.my)

Editor

Sitti Hadiyah Haji Abd. Mutalib
(hadiah2@dbp.gov.my)

Timbalan Editor

Muziat Yusuf
Mohd. Almiey Mohd. Ali

Jurufoto

Logiman Juakim Gamad

Pentadbiran

Debbie Benjamin
Hassan Hussin

Ketua Pengarah

Datuk Dr. Haji Awang Sariyan

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Prof. Dr. Haji Zaharani Ahmad

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Kamarul Zaman Shaharudin

Wadah diterbitkan sejak Oktober 1986. Hak Cipta Terpelihara. Karya yang dikirirkan kepada *Wadah* hendaklah merupakan tulisan sendiri, dan belum pernah disiarkan di mana-mana media cetak. Karya yang tersiar boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Sidang Editor berhak menyunting karya yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat atau pendirian *Wadah*. Segala sumbangan yang dikirirkan tidak akan dikembalikan. Sidang Editor juga tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan karya yang dikirirkan.

Apabila mengirirkan sebarang karya, sila catatkan nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat surat-menyurat yang tepat dan lengkap dengan poskod. Tanpa maklumat ini, karya yang dikirirkan kepada kami tidak akan disiarkan. Sila alamatkan karya anda kepada:

Editor *Wadah*,
Unit Penerbitan, DBPCawangan Sabah,
Beg Berkunci 149, 88999 Kota Kinabalu.

DICETAK OLEH

Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.,
Lot 50-A, Hiong Tiong Industrial,
Lorong Buah Salak 5, 11.2 km. Jalan Tuaran,
P.O.Box 20148, 88758 Luyang, Kota Kinabalu, Sabah.
Tel.: 088-387214 Faks.: 088-384214 E-mel: pbrayakk@gmail.com

REKA BENTUK KULIT DAN REKA LETAK HALAMAN

DARIPADA EDITOR		CERPEN	
58 Tahun Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	5	Ang Sau Fan	25
FOKUS		<i>Izzah Azwar</i>	
Dirgahayu Dewan Bahasa dan Pustaka	6	Monolog Kemerdekaan	32
<i>Hajah Asmiah Haji Ajamain</i>		<i>Melati Biru</i>	
RENCANA		Terperangkap	39
Introspeksi Diri Sastru Bakry	14	<i>Mad Sakiran Haji Sulaiman</i>	
<i>Norawi Haji Kata</i>		ANALISIS PUISI PILIHAN	
PUISI		"Membaca" Puisi-Puisi Pilihan Wadah	45
Mari Kita Melangkah	2	<i>Zaiton Ajamain</i>	
<i>Sabahuddin Senin</i>		ANALISIS CERPEN PILIHAN	
Rumput juga Tumbuh Sendiri	12	Cerpen Adalah Sebuah Pesan	48
<i>Ramzah Dambul</i>		<i>S.M. Zakir</i>	
Bongawan Sejenak dalam Manifestasi	13	KEGIATAN	
<i>Rona Sutera</i>		Sebelas Orang Penulis Menerima	52
Persahabatan yang Lebur	23	Penghargaan PERWILA	
<i>N. R. Rahim</i>		<i>Masmah Mohd. Ali</i>	
Ayah	24	Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit	53
<i>Nuriana Dayok</i>		<i>Norasdina Asri</i>	
Hanya kerana Nama	31	ULASAN BUKU	
<i>Nor Amizah binti Abdul Wahab</i>		Ini Baru CEO	55
Andai Kita	37	<i>Zaharudin A.R</i>	
<i>Jasman bin Bandar</i>			
Salam Merdeka Negaraku	38		
<i>Rozeline Vitalis</i>			
Sahabat	44		
<i>Perindu Sepi</i>			
Aki Awaiku	51		
<i>Normadiyah Nassir</i>			
Nyanyian Rindu	54		
<i>Norjannah MA</i>			
Tidak Seindah Impian	57		
<i>Sitti Rahmah G. Ibrahim</i>			
Kasih Ibu	58		
<i>Dayang Salmah Salam</i>			
Mentari	59		
<i>Zubir Osman</i>			
Syair Pesanan kepada Belia	60		
<i>Cliff A. Kamijan</i>			

58 Tahun Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Menelusuri kewujudan DBP selama 58 tahun, jelas menunjukkan bahawa DBP telah membuktikan kemampuannya dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya menurut aspirasi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III tahun 1956, menerusi Kongres tersebutlah dikemukakan cadangan penubuhan DBP. Sebagai agensi perancangan bahasa yang utama yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia, DBP bertanggungjawab melaksanakan beberapa matlamat tertentu Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Pindaan 1971, Pindaan 1990) sebagaimana yang termaktub dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Ordinan 1959, pindaan 1978, Pindaan dan Peluasan 1995). DBP berfungsi sebagai agensi perancangan bahasa dalam erti kata yang seluas-luasnya dengan tujuan untuk mencapai empat matlamat utama, iaitu:

1. Perancangan Bahasa Melayu baku;
2. Perancangan Kesusasteraan Kebangsaan;
3. Pengembangan ilmu (terutama melalui penerbitan); dan
4. Perancangan kebudayaan (secara tidak langsung).

Dalam tempoh 58 tahun DBP beroperasi, DBP telah memainkan peranan penting dalam membina dan mengembangkan bahasa Melayu, dan dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa ilmu, dan bahasa kebangsaan di negara ini. Pelbagai prasarana serta pelbagai wacana dan wahana telah disediakan oleh DBP bagi membangunkan bahasa Melayu, dan demi memastikan bahasa Melayu terus memainkan peranan dan fungsi yang bermakna di semua peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemertabatan bahasa. Dalam usaha mencapai matlamatnya untuk membina dan mengembangkan bahasa, pihak DBP telah menyusun semula jentera perancangan dan pengembangan bahasanya agar lebih strategik melalui jalinan kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta. Sejak ditubuhkan, DBP sebagai badan yang berperanan penting dalam memastikan bahasa Melayu terus berkembang, beberapa aktiviti telah disusun dan dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan itu juga dikembangkan sayapnya ke DBP Cawangan Sabah, DBP Cawangan Sarawak, DBP Wilayah Timur, Selatan, dan Utara.

Dalam tempoh 58 tahun DBP bertapak di persada tanah air, bahasa Melayu terus berkembang dengan pesatnya. DBP terus memainkan peranan yang amat penting dalam merancang, menyusun, dan melaksanakan program, projek, dan aktiviti ke arah mencapai matlamatnya untuk membina, dan mengembangkan bahasa Melayu di rantau ini. Sesungguhnya tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sudah terbukti dapat hidup dan berkembang sebagai bahasa utama bagi komunikasi umum rakyat jelata. Penggunaan bahasa kebangsaan dalam kehidupan masyarakat berbilang bahasa, kaum, dan budaya sedang popular dan meningkat. Bahasa Melayu sesungguhnya sejak abad ke-16 lagi telah perkasa. Dalam hal ini DBP sudah pasti akan terus lebih agresif bagi memastikan bahawa bahasa Melayu terus berkembang maju, selari dengan perkembangan warganya yang memiliki bahasa tersebut. Pemahaman terhadap makna kewujudan DBP hendaklah ada dalam setiap warga Malaysia. Mereka perlu menghayati falsafah dan makna kewujudan DBP dengan membuktikan bahawa kita mencintai dan menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Dirgahayu DBP!

Sitti Hadiah Haji Abd. Mutalib

Dirgahayu Dewan Bahasa dan Pustaka

oleh **HAJAH ASMIAH HAJI AJAMAIN**



Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menyambut ulang tahunnya yang ke-58 pada 22 Jun 2014. Dirgahayu DBP. Sejak penubuhannya pada 22 Jun 1956, di Johor Bahru, DBP atau nama asalnya Balai Pustaka telah bergerak mengorak langkahnya sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam soal-soal yang berkaitan dengan pembinaan, pengembangan, dan pelaksanaan bahasa Melayu. Penubuhannya bertepatan di tengah-tengah suasana dan semangat kemerdekaan tanah air yang berkobar-kobar. DBP merupakan salah satu agensi utama yang dipertanggungjawabkan dalam menjayakan program pengisian kemerdekaan. Bermula pada tarikh penubuhannya itulah DBP terus gagah mengatur langkah, merancang, mencari dan melaksanakan tugasnya yang amat penting, iaitu mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Meskipun pelbagai rintangan dihadapi, pelbagai suka duka ditempuhi, pelbagai cabaran diharungi dari dahulu hingga era globalisasi ini, namun badan berkanun ini terus mara demi merealisasikan visinya sebagai *“peneraju utama bahasa dan persuratan Melayu di dunia”*.

Menelusuri kewujudannya selama 58 tahun, jelas menunjukkan bahawa DBP telah membuktikan kemampuannya dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya menurut aspirasi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III tahun 1956, menerusi Kongres tersebutlah dikemukakan cadangan penubuhan DBP. Sebagai agensi perancangan bahasa yang

utama yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia, DBP bertanggungjawab melaksanakan beberapa matlamat tertentu Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Pindaan 1971, Pindaan 1990) sebagaimana yang termaktub dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Ordinan 1959, pindaan 1978, Pindaan dan Peluasan 1995). DBP berfungsi sebagai agensi perancangan bahasa dalam erti kata yang seluas-luasnya dengan tujuan untuk mencapai empat matlamat utama, iaitu:

1. Perancangan Bahasa Melayu baku;
2. Perancangan Kesusasteraan Kebangsaan;
3. Pengembangan ilmu (terutama melalui penerbitan); dan
4. Perancangan kebudayaan (secara tidak langsung).

Dalam melaksanakan tugasnya untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang betul supaya digunakan secara meluas maka pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan yang antaranya meliputi usaha mengadakan kursus, ceramah, forum dan seminar bahasa kebangsaan, program Munshi Dewan (pengembang bahasa daripada kalangan guru di seluruh negara), khidmat nasihat bahasa, penghargaan dan pengiktirafan (seperti anugerah dan hadiah kepada tokoh ilmuwan bahasa, tokoh pejuang bahasa, tokoh penulis karya ilmiah dalam bahasa Melayu dsb.), pemantauan penggunaan bahasa menerusi audit bahasa di tempat awam, kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, dan tidak kurang pentingnya melalui bahan terbitan. Secara tidak langsung bahan terbitan ini menjadi wahana dalam melaksanakan dan memasyarakatkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Taraf Bahasa Melayu sudah terjamin dalam Perlembagaan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Malaysia juga sudah memiliki dasar bahasa yang dipersetujui



melalui proses yang disebut sebagai tolak ansur antara kaum. Maka, bahasa Melayu seharusnya sudah bebas daripada cengkaman pelbagai kendala yang menjejaskan keupayaan bahasa Melayu untuk menjadi bahasa yang bernilai tinggi dan berpengaruh dalam proses pembangunan dan kemajuan negara dalam semua bidang yang penting. Dasar-dasar bahasa termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Fasal 152, dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1967, dan berdasarkan undang-undang pendidikan kebangsaan sejak Akta Pelajaran (Pendidikan) tahun 1957 menggantikan *Education Ordinance* 1950 ciptaan British hingga ke Akta Pendidikan tahun 1996. Dasar bahasa ini sewajarnya

pihak kerajaan dalam melaksanakan dan memasyarakatkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia ini, serta tersedianya satu lembaga yang dikenal sebagai Lembaga Pengelola DBP sebagai pihak berkuasa penyelaras bahasa Melayu yang tunggal termasuk memberikan arahan, ulasan, nasihat, bantuan, bimbingan, latihan atau pengawasan telah memudahkan pihak DBP untuk terus bergerak dalam misinya untuk mengembangkan bahasa Melayu.

Dalam tempoh 58 tahun DBP beroperasi, DBP telah memainkan peranan penting dalam membina dan mengembangkan bahasa Melayu, dan dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa ilmu, dan bahasa



dilaksanakan secara meluas kerana bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 (Akta 213) telah dipinda melalui Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Peluasan) 1995 (Akta A930) dan diterbitkan dalam warta pada 9 November 1995. Untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang betul supaya digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa, Lembaga Pengelola DBP diberi kuasa untuk memberikan arahan, ulasan, nasihat, bantuan, bimbingan, latihan, atau pengawasan Seksyen 5(2), Akta DBP 1959. Justeru, sikap tegas, adil dan berhati-hati yang dilakukan oleh

kebangsaan di negara ini. Pelbagai prasarana serta pelbagai wacana dan wahana telah disediakan oleh DBP bagi membangunkan bahasa Melayu, dan demi memastikan Bahasa Melayu terus memainkan peranan dan fungsi yang bermakna di semua peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemertabatan bahasa. Dalam usaha mencapai matlamatnya untuk membina dan mengembangkan bahasa, pihak DBP telah menyusun semula jentera perancangan dan pengembangan bahasanya agar lebih strategik melalui jalinan kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta. Sejak ditubuhkan, DBP sebagai badan yang berperanan penting dalam memastikan Bahasa Melayu terus berkembang, beberapa aktiviti

telah disusun dan dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan itu juga dikembangkan sayapnya ke DBP Cawangan Sabah, DBP Cawangan Sarawak, DBP Wilayah Timur, Selatan, dan Utara.

Program pembinaan bahasa dirancang untuk mencapai matlamat membina, mengukuhkan dan meningkatkan korpus bahasa Melayu dalam bidang peristilahan,

Program pengembangan bahasa sektor awam dan sektor swasta pula dirangka bagi mencapai matlamat memasyarakatkan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pendidikan dan ilmu tinggi sebagai asas pembinaan negara dan peradaban negara bangsa.

perkamusian, tatabahasa, laras bahasa dan ortografi untuk memenuhi peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu, dan sebagai salah satu bahasa utama dunia. Dalam memastikan pembinaan bahasa berjalan lancar, DBP telah mewujudkan program penyelidikan bahasa, perkamusian, dan peristilahan.

DBP tidak sekadar mengusahakan program perkamusian yang diterbitkan secara konvensional, tetapi juga turut menghasilkan kamus elektronik. Penghasilan kamus seumpama ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat celik komputer yang mengutamakan penggunaan teknologi canggih. Penghasilan kamus seumpama ini juga mampu membantu DBP

menghadapi cabaran globalisasi dan seterusnya membantu DBP dalam merealisasikan visi sebagai peneraju utama bahasa dan persuratan Melayu di dunia. *Kamus Komputer Telapak Besta DBP-1* adalah antara kamus elektronik yang telah dihasilkan.

Program peristilahan pula diwujudkan untuk membina peristilahan bahasa Melayu dan pangkalan data istilah bahasa Melayu. Di bawah program ini DBP berhasrat untuk mengumpulkan, membentuk, dan memperbanyak istilah serta menerbitkan istilah bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu, sesuai dengan keperluan, dan kemajuan negara, iaitu pendidikan dan perkembangan ilmu pengetahuan. Pewujudan program peristilahan ini juga adalah untuk mewujudkan pangkalan data peristilahan yang bersistem, sesuai dengan matlamat dan penyebaran dan pemasyarakatan istilah bahasa Melayu dalam pelbagai bidang dan subbidang.

Program pengembangan bahasa sektor awam dan sektor swasta pula dirangka bagi mencapai matlamat memasyarakatkan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pendidikan dan ilmu tinggi sebagai asas pembinaan negara dan peradaban negara bangsa. Program ini dilaksanakan dalam dua sektor utama, iaitu sektor awam dan sektor swasta. Di bawah program pengembangan bahasa sektor awam, kegiatan ditumpukan dalam aspek memasyarakatkan bahasa di peringkat daerah, bahagian, dan negeri yang melibatkan sektor kerajaan negeri, badan berkanun negeri, kerajaan tempatan, dan pihak berkuasa tempatan, serta sektor pendidikan. Objektifnya adalah untuk meningkatkan penggunaan bahasa kebangsaan khususnya bahasa kebangsaan yang baku, dan meningkatkan kegiatan kerjasama bagi memupuk kesedaran berbahasa kebangsaan.

Program pengembangan bahasa Melayu sektor swasta pula, mempunyai matlamat untuk memperluas dan meningkatkan

penguasaan bahasa kebangsaan dalam urusan dengan pelanggan dalam negeri atau rakyat Malaysia dengan tumpuan pada bidang perniagaan dan perekonomian. Di bawah program ini, DBP berharap bahasa kebangsaan dapat dikuasai dan digunakan dengan baik oleh sektor swasta, sama ada secara lisan atau tulisan dan memastikan pemaparan bahasa kebangsaan yang tepat dan indah serta berkualiti tinggi digunakan sebagai lambang jati diri dan citra Malaysia.

Pelbagai kegiatan memasyarakatkan bahasa Melayu terus bersemarak dilaksanakan oleh DBP antaranya termasuklah kegiatan meningkatkan kemahiran berbahasa dari masa



ke masa. Bimbingan dan kursus penataran bahasa Melayu giat dijalankan. DBP terus berperanan penting dalam memastikan bahawa bahasa Melayu tetap dan terus gah serta berkembang dengan pesatnya. Pelbagai kempen dijalankan secara berterusan, antaranya termasuklah Gerakan Cintai Bahasa Kita yang telah dilancarkan pada tahun 1987. Bulan Bahasa dan Sastera Negara (kini dikenali sebagai Bulan Bahasa Kebangsaan) yang dimulakan pada tahun 1999, Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta, dan Minggu Bahasa Jiwa Bangsa.

Penghargaan dan pengiktirafan bagi memperkukuh dan menggalakkan organisasi dan individu yang memainkan peranan serta

memberikan sumbangan kepada kemajuan penggunaan bahasa Melayu di sektor awam dan swasta diwujudkan. Meskipun perkembangan bahasa Melayu di sektor swasta agak perlahan, namun DBP terus berusaha agar penggunaan bahasa Melayu di sektor ini terampil. Kempen Gerakan Bahasa Sektor Swasta 1998 – 2000 telah dilaksanakan oleh pihak DBP.

Dalam usaha DBP untuk melaksanakan fungsi pengembangan bahasa Melayu di peringkat serantau dan antarabangsa, DBP sedaya upaya cuba untuk mencapai matlamat menyebarkan dan mengangkat Bahasa Melayu di peringkat rantau ini sehingga membolehkannya menjadi bahasa komunikasi dan bahasa perdagangan di peringkat Asia



Tenggara, dan seterusnya di peringkat antarabangsa sehingga menjadi salah satu bahasa utama di dunia dan diiktiraf sebagai salah satu bahasa di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam usaha mencapai hasrat ini, DBP telah menjalankan kegiatan menggerakkan dan menyelaraskan kegiatan kebahasaan yang terlaksana di peringkat serantau dan antarabangsa.

Antara kegiatan yang diberikan tumpuan di bawah program pengembangan bahasa Melayu di peringkat serantau dan antarabangsa ini termasuklah penyelarasan aktiviti kebahasaan di peringkat ASEAN dan antarabangsa, peningkatan kewibawan dan kepakaran pihak-pihak yang terlibat dengan

usaha pengembangan bahasa Melayu di pelbagai peringkat, penubuhan dan mengukuhkan pusat pengajian Melayu sedunia. Gerak kerja bahagian ini dilaksanakan melalui Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) yang dilancarkan pada 21 Ogos 2000 di Kuala Lumpur, dan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) yang menangani kerjasama Bahasa Melayu/Indonesia di peringkat serantau sejak tahun 1972.


Tidak dapat dihindari bahawa era Dasar Pembangunan Baharu Malaysia membuka jendela Malaysia ke pentas dunia sebagai kesan daripada kemajuan dan perkembangan ekonomi dan perdagangan, kerjasama serantau dan dunia, penerokaan ilmu dan pemodenan pendidikan, kemajuan dalam bidang teknologi maklumat, dan pertumbuhan konsep globalisasi. Dalam hal ini, bahasa Melayu harus muncul di pentas dunia untuk membuktikan keutuhannya sebagai bahasa yang memiliki kekuatan jati diri dan pengaruh dalam sejarah gemilang masa lampau, masa kini, dan pembinaan sejarah masa depan. Program pengantarabangsaan bahasa Melayu mengikut kemampuan DBP dalam tempoh menjelang tahun 2020 sewajarnya mencakupi usaha pemasaran bahasa dan penyebaran maklumat bahasa dan persuratan Melayu ke seluruh dunia. DBP pastinya menyedari kewujudan potensi bahasa dan persuratan Melayu berkembang sebagai ilmu yang diajarkan dan dipelajari di seluruh dunia. Hal ini pastinya menambah keyakinan DBP bahawa DBP sesungguhnya mampu menjadi peneraju utama bahasa dan persuratan Melayu di dunia. DBP juga perlu menyedari hakikat bahawa, DBP bukan sahaja berhadapan dengan arus dan asakan globalisasi yang meninggalkan kesan mendalam terhadap upaya pembinaan tamadun bangsa di seluruh dunia, bahkan DBP juga berhadapan dengan krisis keyakinan dalam kalangan sesetengah rakyat Malaysia tentang wibawa dan

kepentingan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa antarabangsa yang utama.

Dalam tempoh 58 tahun DBP bertapak di persada tanah air, bahasa Melayu terus berkembang dengan pesatnya. DBP terus memainkan peranan yang amat penting dalam merancang, menyusun, dan melaksanakan

Dalam hal ini, bahasa Melayu harus muncul di pentas dunia untuk membuktikan keutuhannya sebagai bahasa yang memiliki kekuatan jati diri dan pengaruh dalam sejarah gemilang masa lampau, masa kini, dan pembinaan sejarah masa depan.

program, projek, dan aktiviti ke arah mencapai matlamatnya untuk membina, dan mengembangkan bahasa Melayu di rantau ini. Sesungguhnya tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sudah terbukti dapat hidup dan berkembang sebagai bahasa utama bagi komunikasi umum rakyat jelata. Penggunaan bahasa kebangsaan dalam kehidupan masyarakat berbilang bahasa, kaum, dan budaya sedang popular dan meningkat. Bahasa Melayu sesungguhnya sejak abad ke-16 lagi telah perkasa. Dalam hal ini DBP sudah pasti akan terus lebih agresif bagi memastikan bahawa bahasa Melayu terus berkembang maju, selari dengan perkembangan warganya yang memiliki bahasa tersebut. Pemahaman terhadap makna kewujudan DBP hendaklah ada dalam setiap warga Malaysia. Mereka perlu menghayati falsafah dan makna kewujudan DBP dengan membuktikan bahawa kita mencintai dan menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan.

Dirgahayu DBP. 

Rumput juga Tumbuh Sendiri

i

*Ada ketika nanti
maple tahu bertunas lagi
tanpa menunggu salji pergi.*

*Ada ketika nanti
rumput juga tumbuh sendiri
tanpa menunggu hujan turun ke bumi
kelicap mencari madu di rimba
tanpa menunggu musim bunga.*

ii

*Hidup sebenarnya satu hakikat diri
bukan menunggu kejora yang tak sampai
bukan memeluk bayang yang enggan bersama.*

*Nanti ada ketika
hatipun terbang tinggi
tanpa perlu sayap cintanya.*

Ramzah Dambul

Bongawan Sejenak dalam Manifestasi

*Bongawan
wajahmu tersenyum cuma
sederet bangunan baru
di antara kedai-kedai lapuk
dimamah usia
mengusik sayu seraut wajah
desa sepi
menggamit sendu kehijaun rimba
mergastua.*

*Bongawan
mentarimu menjenguk murung
sedang nila kandi langitmu
melorek awan jingga ungu.*

*Malam wargamu terlena diulit rembulan
luka
suram cahayanya
menghitamkan kuntuman putih mimpi
dan kembara perlarian anak muda
tersungkur di bawah pelangi pudar
dalam keluhan rintihan sezaman.*

*Bongawan
sungaimu mengalir resah beriak
dikocak duka
dengan dada terbuka rela menerima
terisi antara hilir mudik
kabut jernih hulu ke muara
sekalipun curahan toba
bahan bekas sisa buangan
tanpa penghujungnya.*

*Bongawan
lautmu seringkali bermuram durja
berombak lara memendam rahsia
kemelut hak asasi
zon perairan yang tak bertepian.*

*Bongawan
kini engkau hanyalah
sebuah pekan terpinggir
belum mengecapi erti
sebuah pembangunan
yang menjanjikan segunung impian
menelan jutaan ringgit
jauh diceruk kota
bumimu terus membeku
menadah suatu permintaan
dalam penantian.*

Rona Sutera

Introspeksi Diri Sastri Bakry

oleh NORAWI HJ. KATA

Pendahuluan

Puisi merupakan ungkapan kata-kata indah yang padat dengan makna dan pemikiran. Kata-kata dalam sesebuah puisi adalah penting, bukan semata-mata kerana fungsinya sebagai pendukung dan pengantar makna, tetapi juga sebagai pemancar getar rasa keindahan dari dalam diri seorang penyair.

Sehubungan itu, saya akan cuba meneliti kumpulan puisi *Sastra Sastri Dalam Puisi* (SSDP) hasil karya penulis terkenal, Sastri Yunizarti Bakry. Selain puisi, Sastri juga menulis novel, cerpen, fiksyen dan sebagainya. Puisi beliau *Bulan Sendiri* dan *Kerajaan Langit dan Bumi* telah dilagukan, manakala beberapa buah novelnya amat menarik perhatian umum. Sastri memang aktif dalam semua bidang seni, malahan pernah merakamkan lagu Minang. Beliau juga merupakan aktivis masyarakat yang prihatin. Meskipun Sastri sibuk, namun dunia penulisan tidak dapat dipisahkan dengan dirinya. Beliau yang cukup dikenali sebagai ilmuwan, aktif sebagai penceramah di peringkat lokal, nasional dan antarabangsa.

Dalam SSDP, Sastri banyak merakamkan persoalan tentang kemanusiaan, keluarga, masyarakat dan juga keagamaan. Gaya


penyampaiannya sederhana namun sarat dengan kritik sosial dan renungan diri. Kisah-kisah dirinya dan sosiobudaya masyarakat dirakam dengan penuh cermat dan jelas.

Introspeksi Diri

Saya akan cuba meneliti puisi-puisi yang terkandung dalam antologi SSDP dengan mengutamakan Sastri sebagai penyair dalam aspek introspeksi diri.

Introspeksi diri bermaksud proses penilaian fikiran, idea, perasaan dengan mendalam atau muhasabah diri. Penelitian tentang diri ini dibuat kerana Sastri menyampaikan kisah sebenar yang berkisar tentang dirinya yang ada hubung kait dengan peristiwa yang berlaku. Menurut Ali Ahmad (1974:25) dan Khalid M.Hussain (1979:650) dalam tulisan Naapie Mat (2004), menyatakan bahawa introspeksi diri adalah hal pemeriksaan atau

menyoal diri sendiri seperti soal-soal ketidaktenteraman perasaan, kesedihan, kegembiraan, kejayaan, kegagalan dalam hidup, kesenangan masa lampau, mimpi dan harapan, merenung diri sendiri dan memikirkan sesuatu dalam waktu-waktu dan



keadaan tertentu seperti pada waktu subuh, senja atau malam dan tempat-tempat tertentu seperti di pantai, gunung atau hutan. Ringkasnya introspeksi diri dalam antologi SSDP ini ialah peristiwa yang berlaku lalu dirakamkan dalam puisi yang ada hubung kait tentang diri, dunia dan kehidupannya.

Diri dengan Keluarga

Kasih sayang dalam keluarga merupakan asas kepada kerukunan hidup dalam sebuah masyarakat. Kebahagiaan dalam sebuah keluarga, kuncinya adalah kasih sayang dan sikap toleransi antara suami dan isteri. Suami adalah pemimpin keluarga, manakala isteri merupakan pendokong utama terhadap kepimpinan suami. Dalam konteks ini, puisi dapat menyalurkan pemikiran dan rakaman tentang kasih sayang penyair dengan ahli keluarga sebagai renungan. Demikian Sastri merakamkan kasih sayang dalam puisi untuk dipersembahkan kepada suami tercinta pada hari jadi yang ke-60, (Kepada Seorang Lelaki: hal 101). Puisi ini merupakan renungan diri seorang isteri terhadap ketabahan dan kebaikan seorang suami seperti dalam dua rangkap yang berikut:

*Hari-hari panjang telah kita lewati bersama
Jika batu sekeras baja akan hancur tertitik air
Dan kita tetap seperti mawar yang wangi namun tetap
Menusuk
Ketika serangga mencoba menghisap lumut kita
Dan kita menjelang dan merayap, daun keladi yang tak
Berbekas air.*

*Jurang yang menganga di antara kita
Adalah duka kita luka dunia*

Dan kita jalani setapak demi setapak

merangkai hidup

Dalam genggam Allah

Perjuanganmu adalah perjuangan yang tak bisa tertandingkan

Kebaikan hatimu adalah kebaikan yang meruntuhkan

Keteguhan dan kekerasan hatiku.

Bagi penyair perbezaan pandangan antara suami dan isteri bukanlah penghalang keteguhan kasih sayang. Malah sebagai pengukuh terhadap hubungan kasih sayang. Kesabaran lelaki dan kecekalannya dalam perjuangan hidup dapat melembutkan hati seorang wanita dan di situlah letaknya keunggulan seorang lelaki. Dalam puisi ini juga Sastri merenung tentang perjalanan kasih

Kasih sayang dalam keluarga merupakan asas kepada kerukunan hidup dalam sebuah masyarakat. Kebahagiaan dalam sebuah keluarga, kuncinya adalah kasih sayang dan sikap toleransi antara suami dan isteri. Suami adalah pemimpin keluarga, manakala isteri merupakan pendokong utama terhadap kepimpinan suami.

sayang yang telah dibinanya. Beliau menyatakan terlalu banyak liku-liku suka dan duka yang pernah diperjuangkan bersama-sama suami. Sehubungan itu, sewajarnya penyair menghargai suami sekaligus berdoa sebagai tanda kasih dan setianya kepada suami tercinta.

Berdasarkan puisi tersebut, ternyata bahawa Sastri mengutamakan aspek

kemanusiaan dan perasaan kasih sayang terutama terhadap keluarga yang mendasari hidup bermasyarakat. Naapie Mat (2004), menyatakan pemikiran yang bersandarkan elemen kemanusiaan mencerminkan bagaimana institusi keluarga dapat mengikat hubungan kasih sayang yang erat antara ibu bapa dengan anak. Gagasan tersebut berlandaskan pendekatan sosiologi yang telah dijelaskan oleh Mana Sikana (1989) yang memperlihatkan betapa soal nilai merupakan satu struktur yang menyeluruh untuk membina fenomena budaya keluarga dan membina kehidupan sekeliling. Ini bermakna kesan masa (*moment*) dan persekitaran (*milieu*) menjadi hambatan bagi mengubah corak hidup berkeluarga.

Renungan diri dan rakaman kasih sayang penyair terhadap anaknya pula dapat dilihat melalui puisi yang berjudul “Rantai Hatiku” (hal. 66). Penyair mengibaratkan puterinya umpama rantai hati. Bagi penulis istilah rantai hatiku adalah simbol kasih sayang yang tidak akan putus. Demikian juga penyair menyatakan rasa terharunya melihat kegigihan hati seorang puterinya berusaha untuk mengejar cita-citanya. Pelbagai cabaran, hinaan dan fitnah yang telah ditempuhi oleh puterinya, namun penyair dengan rasa bangga sentiasa memberikan sokongan moral terhadap puteri kesayangannya kerana bagi penyair, Allah sentiasa menyebelahi hamba-Nya yang ikhlas. Ini dijelaskan dalam dua rangkap awal puisi tersebut:

*Setiap hari kuperhatikan putri cantikku
berlari mengejar
Bukit cita-citanya
Dalam kegigihan hati terbalut ikhlas dan
sabar
Tanpa peduli hinaan dan celaan bahkan
fitnahan
Haruskah rantainya diputus di ujung
sana?*

*Hatiku menangis dalam ketidaksabaranku
melihat
Kekejaman yang tak dapat kuelakkan
Aku tak mampu melindungimu
Lukamu adalah lukaku dan luka orang-
orang yang mencintaimu
Sayangku,*

Demikian juga penyair menyatakan rasa terharunya melihat kegigihan hati seorang puterinya berusaha untuk mengejar cita-citanya. Pelbagai cabaran, hinaan dan fitnah yang telah ditempuhi oleh puterinya, namun penyair dengan rasa bangga sentiasa memberikan sokongan moral terhadap puteri kesayangannya kerana bagi penyair, Allah sentiasa menyebelahi hamba-Nya yang ikhlas.

Junus (1986), menyatakan hubungan penyair sebagai individu dengan masyarakat amat rapat. Penyair menganggap status dirinya sama dengan rakyat sehingga terlihat ada solidariti dengan rakyat. Sehubungan itu, masyarakat peribumi yang berbakti kepada tanah mempunyai semangat nasionalis untuk memastikan kemenangan diri dan keluarganya.

Puisi Antara Buranga dan Kalisusu (hal. 15) memberikan kesan yang mendalam terhadap Sastri. Di Buranga, Sastri dapat menghayati betapa desa tersebut ketinggalan dari arus kemodenan. Walaupun Buranga dikatakan negeri kaya yang banyak khazanah buminya, penduduknya bekerja sebagai petani dan pemburu.

Diri dengan Masyarakat Kota

Dalam puisi *Paku* (hal. 132), dapat ditelusuri renungan diri penyair yang kagum melihat seorang lelaki muda dengan tongkat bermagnet, memungut paku yang bertebaran di sepanjang jalan. Tentunya paku-paku itu sangat berbahaya kepada manusia dan menghalang perjalanan kenderaan yang sentiasa melalui jalan itu. Namun seorang pemuda yang berhati mulia mengumpul paku itu tanpa memikirkan sebarang kepentingan, ikhlas dilakukan untuk masyarakat. Segala perlakuannya telah diperhatikan oleh penyair, sementara orang

awam yang berlalu di situ tidak ambil peduli seperti katanya, “tanpa ucapan terima kasih”.

*Lelaki muda tanpa lelah
setiap pagi mengumpulkan
membantu orang-orang agar tak jadi
korban paku
yang sesungguhnya tak peduli bahkan tak
perlu
berterima kasih pada lelaki muda.*

Dalam puisi ini, Sastri telah dapat merakam watak lelaki muda di tengah-tengah kota dengan berseni sekali, secara tidak langsung telah memberikan gambaran yang luas tentang sikap kepenyairannya. Menurut Suwardi (2013), kritik sastra secara sosiologis meluas pada resepi sastra oleh masyarakat. Watak sastera sering mewarnai kehidupan masyarakat. Watak dasar masyarakat yang garang, pendendam, iri hati dan sebagainya merupakan watak yang ada pada diri manusia. Manakala Ungku Maimunah (2006), menyatakan perbincangan tentang masyarakat kota atau bandar umpamanya, akan menyerlahkan 'penemuan' seperti masyarakat kota bersifat individualistik, bermoral rendah, suka bergaya, mementingkan wang ringgit daripada budi bahasa dan sebagainya. Gambaran masyarakat desa pula, menyerlahkan 'penemuan' budaya kerja yang berdisiplin, etos pergaulan yang sopan, nilai agama yang tinggi, sistem kepercayaan yang tebal dan sebagainya.

Diri dengan Politik

Aspek yang paling diutamakan dalam hidup bermasyarakat ialah kerukunan dan kebahagiaan hidup. Pincang atau majunya sesebuah masyarakat bergantung kepada sejauh mana keupayaan untuk membina hidup secara ukhuwah dan permufakatan. Bagi menjamin kehidupan yang ideal, kerendah penghuni masyarakat harus diselesaikan dengan bijaksana. Memang tidak dapat

dinafikan ada individu dalam sesebuah masyarakat yang mementingkan diri, bersikap dengki khianat, korupsi, tamam dua muka dan sanggup membunuh demi mencapai cita-cita yang dihasratkan. Melalui SSDP, penyair menyuarakan perjuangan membela rakyat miskin dan menentang korupsi. Melalui puisi *Dalam Angka* (hal.34-35), penyair merenung tentang perjuangannya membanteras korupsi. Ini diungkapkan dalam rangkap yang berikut :

*Aku cemas, mestinya kebersamaanmu
adalah
kebersamaan kita tetapi aku terangkai
jauh dalam
ketertinggalan yang tidak hendak kita
perjuangkan
bersama
padahal kita sudah sama-sama dengan
lantang
meneriakan benteras korupsi.*

Sastri menyatakan rasa kesal terhadap ketidakjujuran, iaitu kebenaran seringkali diletakkan di belakang walaupun ianya merupakan perbuatan yang murni. Dalam puisi ini penyair membawa mesej tentang kebenaran kepada masyarakat. Selain itu perjuangan anti korupsi adalah perjuangan yang murni dan benar. Masyarakat akan hancur jika ramai individu atau kelompok yang terlibat dengan perbuatan korupsi. Budaya itu perlu ditentang habis-habisan untuk keadilan semua pihak. Ianya perlu dibanteras dari peringkat akar umbi, iaitu memberi kesedaran kepada keluarga, para pelajar sekolah dan semua pejabat kerajaan dan swasta. Sastri menyindir sinis pihak bertanggungjawab agar perlu tahu peranan dan tanggungjawab mereka untuk membantu masyarakat. Misalnya, golongan atasan atau kaya perlu membantu si miskin, yang berkedudukan tinggi dan ada kuasa perlu melaksanakan tugas dengan penuh amanah, ikhlas dan bertanggungjawab.

Dalam puisi *Membaca Ruang Sidang*

(hal.81), Sastri merenung kemewahan di dalam bilik persidangan. Rasa sedar itu menjelma

Apa yang jelas, Sastri berpuas hati dengan masyarakat di Kalisusu yang maju kerana masyarakat yang mengutamakan kerjasama. Hubungan rapat dan mesra dalam kalangan masyarakat, berkongsi melaksanakan aktiviti termasuk dalam kegiatan ekonomi, menguatkan lagi ikatan dalam kalangan ahli-ahlinya. Umar Junus (1986), menyatakan hubungan penyair sebagai individu dengan masyarakat amat rapat. Penyair menganggap status dirinya sama dengan rakyat sehingga terlihat ada solidariti dengan rakyat.

dalam diri Sastri semasa melihat hidangan makan minum serba mewah semasa persidangan berlangsung. Lantas terinspirasi diri penyair akan kepentingan persidangan itu sama ada untuk diri dan teman-teman atau untuk rakyat. Puisi ini bernada tegas seperti rangkap ini :

*Ini adalah ruang sidang
mari kita membaca
mari kita senada dalam denyut mereka
yang
tertindas
kita biarkankah?
hanya sebagian kecil nila akan mewarnai
susu sebelanga
yang tak sepatutnya
kita bangun.*

Secara keseluruhannya penyair menyampaikan secara tegas akan perjuangan

untuk membela rakyat miskin yang memerlukan pembelaan. Dalam konteks kepimpinan, tugas pemimpin adalah untuk membela dan membantu rakyat yang miskin. Mereka perlu dibantu untuk kesejahteraan masyarakat keseluruhannya. Rakyat yang melarat dan tidak terbela akan memberi impak kepada imej masyarakat dan seterusnya kepada sesebuah negara.

Diri dengan Keagamaan

Dalam puisi *Bajingan Kamu* (hal. 22), penyair menyampaikan rasa kesalnya terhadap sekumpulan manusia seagama dengannya yang taksub dengan pengertian jihad yang salah. Mereka beranggapan bahawa mereka berada dalam jihad sehingga sanggup mengikut arahan pihak tertentu untuk meletupkan bom yang diikat di tubuh sendiri semata-mata ingin mati syahid. Puisi ini diilhamkan melalui renungan terhadap korban bom pada tanggal 18 Julai 2009.

Bagi Sastri, sikap seumpama itu mengakibatkan keluarga menanti jenazah dalam tangisan. Timbul persoalan, apakah tindakan seumpama itu akan membolehkan seseorang akan masuk syurga, sedangkan mereka yang tidak berdosa turut terkorban dengan perlakuan ganas itu. Bagi Sastri, menghina agama dengan cara bertindak melulu tanpa menggunakan akal adalah bertentangan dengan ajaran al-Quran. Sikap penyair dapat dilihat dalam rangkap puisi ini :

*Bajingan kamu,
kau hancurkan semua lalu kau
sebut atas nama agama yang mulia
kenapa kau hinakan agamaku yang juga
agamamu?*

*Kau fikir kau masuk surge karena mati
sebagai syuhada?
kau ambil ayat
dan aku juga ambil ayat
lalu gimana menurut kamu?*

Sikap tindakan kumpulan Berani Mati (hal. 31) adalah bertentangan dengan kehendak agama yang menganjurkan kebaikan. Agama menganjurkan manusia berbuat baik dan bagi agama Islam al-Quran sebagai panduan hidup dalam kehidupan harian. Islam juga mengesyorkan amalan menggunakan akal

Dalam puisi ini penyair membawa mesej tentang kebenaran kepada masyarakat. Selain itu perjuangan anti korupsi adalah perjuangan yang murni dan benar. Masyarakat akan hancur jika ramai individu atau kelompok yang terlibat dengan perbuatan korupsi.

fikiran sebelum membuat sesuatu keputusan melulu. Oleh itu, fungsi agama dalam masyarakat amat penting untuk perpaduan dan kesejahteraan hidup.

Berbeza dengan puisi *Kerajaan Langit dan Bumi* (hal. 31), penyair merakamkan rasa keinsafan akan kekuasaan Allah. Rasa takjub Sastri atas kekuasaan Maha Pencipta menyebabkannya mengabdikan diri seperti yang terdapat dalam rangkap yang berikut :

*Butir-butir tasbih berurai air mata
menghitung kerajaan langit dan bumi
kudekatkan pada milik-Mu
bersatu hati dalam keniscayaan cinta
perjalananku masih panjangkah?*

*di mana terminalku menuju dalam ciuman panjang
kasih sayang dalam sujudku di sujud-Mu
aku bergumam pada subuh mubaraqah.*

Sesungguhnya bagi individu yang mengamalkan kehidupan beragama, mengingati mati itu adalah wajar. Sastri berjaya merakamkan renungan introspeksi dirinya akan kehidupan ini seumpama perjalanan panjang. Akhirnya manusia akan berpindah ke alam barzakh sebelum dialihkan ke alam akhirat oleh Maha Pencipta. Puisi ini berjaya

Selaras dengan pandangan tersebut, peristiwa yang berlaku dalam masyarakat yang melibatkan unsur-unsur budaya dan kefahaman telah memberi kesempatan kepada Sastri melakukan refleksi untuk mengungkapkan hal-hal masyarakat yang tidak terpisah dengan amalan keagamaan. Sosiobudaya hidup masyarakat yang leka dan terpengaruh dengan perkara-perkara yang merosakkan akidah, telah memberi keyakinan kepada Sastri bahawa nasib manusia telah ditentukan qada' dan qadarnya oleh Tuhan.

menyedarkan pembaca, betapapun panjangnya kehidupan ini yang akhirnya akan berakhir dengan kematian.

Puisi *Langit Mekah* (hal.43-45), juga mengetengahkan rasa insaf Sastri ketika menatap wajah Kaabah. Sastri kagum dengan keagungan kuasa Allah lalu menitishlah air mata tanda keterharuan. Keajaiban ditemui oleh

Sastri semasa menatap langit Mekah yang bersih lalu mengimbas ingatannya kepada Allahyarham ayah tercinta lalu membisik sebeit sajak untuknya sebagai tanda syukur. Di sini berlaku sekali lagi proses kasih sayang dan ingatan yang sungguh dalam terhadap ayah tercintanya. Renungan diri penyair ketika menatap langit tak berawan lalu membayangkan sebersih hati orang-orang yang layak menjadi kekasih Allah. Sastri juga dapat menginsafi segala perit getir perjuangan Rasulullah dalam memperjuangkan Islam yang harus dipertahankan dan diteruskan ajarannya kerana baginda merupakan nabi yang membawa kesejahteraan kepada sekalian umat :

*Dari tanah di bawah langit Mekah
kuucapkan dalam
tangis yang mencekat dalam raungan
perjuangan Rasulullah.
Kita tidak lagi berjuang kita hanya
menikmati dengan
sedikit berjuang mempertahankan ajaran-
Nya.*

Secara keseluruhannya, Sastri menyampaikan pemikiran betapa manusia tidak perlu menanggukkan perbuatan taubatnya. Ini kerana dunia hanya menunggu saat dan ketikanya untuk dibinasakan oleh Allah. Hanya orang-orang yang beriman dan telah menunaikan perintah Allah yang tidak gentar menghadapi segala kemungkinan itu.

Hashim Awang (1988) yang memperkatakan tentang pendekatan sosiologi, melihat perubahan dalam masyarakat. Perubahan dalaman yang mengaitkan konflik antara individu yang melibatkan kesedaran betapa individu dan masyarakat akhirnya akan kembali kepada Tuhan. Selaras dengan pandangan tersebut, peristiwa yang berlaku dalam masyarakat yang melibatkan unsur-unsur budaya dan kefahaman telah memberi kesempatan kepada Sastri melakukan refleksi untuk mengungkapkan hal-hal masyarakat

yang tidak terpisah dengan amalan keagamaan. Sosiobudaya hidup masyarakat yang leka dan terpengaruh dengan perkara-perkara yang merosakkan akidah, telah memberi keyakinan kepada Sastri bahawa nasib manusia telah ditentukan qada dan qadarnya oleh Tuhan. Ini ada hubungan dengan pendekatan sosiologi yang melihat aspek *mileu* dan *race* sebagai salah satu ciri yang mempengaruhi hidup masyarakat.

Kesusasteraan juga turut dipengaruhi oleh agama. Kisah-kisah berkaitan agama banyak terdapat dalam hasil karya sastera. Pancaran keislaman terdapat dalam karya beliau dan kisah-kisah yang berkaitan dalam al-Quran seperti puisi-puisi beliau dalam SSDP. Secara tidak langsung karya yang berkaitan dengan keagamaan, antara fungsinya adalah untuk mendidik masyarakat agar hidup sejahtera dan harmoni, saling menyayangi, saling memahami dan bekerjasama. Shukri (2001), menyatakan agama memainkan peranan yang sangat besar dalam perkembangan sejarah manusia seluruh dunia. Ajaran agama mencorakkan kehidupan manusia semenjak zaman prasejarah lagi. Agama boleh menjadi punca perpaduan dalam kalangan manusia dan boleh juga menjadi penyebab perpecahan dalam kalangan manusia. Secara umumnya peranan agama dalam masyarakat boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu agama sebagai sumber nilai-nilai moral dan agama berpengaruh terhadap pendidikan, kesenian dan kesusasteraan.

Kesimpulan

Kumpulan puisi Sastri Bakry yang berjudul *Sastra Sastri dalam Puisi* (SSDP) merupakan kitab perjalanan dirinya dengan masyarakat. Beliau telah membuktikan kepada pembaca bahawa karya sasteranya merupakan cerminan kehidupan sosial dan budaya. Hasil rakaman dan renungan dirinya itu telah dipindahkannya dengan penuh berseni melalui karya puisi yang dapat menggambarkan segala peristiwanya satu persatu. Manakala rasa keinsafan penyair

terdapat dalam beberapa puisinya seperti *Kerajaan Langit dan Bumi*, *Ketika Langit Terbelah* dan sebagainya. Gambaran masyarakat desa dan kota juga terdapat dalam antologi SSDP dapat dirakamkan oleh penyair dengan teliti sekali. Namun daripada semua paparan masyarakat dalam SSDP, kita seolah-

Bagi Sastri, sikap seumpama itu mengakibatkan keluarga menanti jenazah dalam tangisan. Timbul persoalan, apakah tindakan seumpama itu akan membolehkan seseorang akan masuk syurga, sedangkan mereka yang tidak berdosa turut terkorban dengan perlakuan ganas itu. Bagi Sastri, menghina agama dengan cara bertindak melulu tanpa menggunakan akal adalah bertentangan dengan ajaran al-Quran.

olah diajak agar kembali kepada ajaran agama kerana ianya sebagai asas terhadap pembentukan kesejahteraan individu dan masyarakat keseluruhannya. Sesungguhnya Sastri merupakan penyair sejati, berkarisma dalam mengetengahkan keresahan, kekesalan dan kemarahan diri dan masyarakat yang hidup dalam zamannya.

Selaras dengan pandangan tersebut, peristiwa yang berlaku dalam masyarakat yang melibatkan unsur-unsur budaya dan kefahaman telah memberi kesempatan kepada Sastri melakukan refleksi untuk mengungkapkan hal-hal masyarakat yang tidak terpisah dengan amalan keagamaan.

Persahabatan yang Lebur

*Demikian
apakah yang tertinggal
sekalian bicara demi bicara terlontar
memburu dendam tidak kesampaian?*

*Kau berpaling arah
menelan hasutan dan fitnah
yang membunuh semangat setia kawan
umpama sebuah permainan kejam.*

*Aku dibuai sokongan
juga senyuman manismu
menjanjikan kesetiaan
rupanya hanya satu kepura-puraan.*

*Kusedari
rupanya engkau gunting dalam lipatan
melupakan pengorbanan
mereka yang menyayangimu
sebagai saudara dan sahabat.*

*Apakah bezanya warna kulit
wajah dan bahasa
saling memisahkan akal kita di sini
semarak racun membuatkan hatimu
kini sekeras batu.*

*Kau menarik tangan
ketika salam dihulurkan,
tanda rapuhnya persahabatan kita,
selepas pertarungan ini
berakhir?*

N.R. Rahim

Ayah


*Baru semalam
kuseru ayah dalam desah rindu.*

*Ayah yang pergi selamanya
mewariskan amanah
yang harus dipikul
dan dijulang setinggi awan
demi cinta.*

*Betapa pilu hati
berendam air mata
saat mengimbau kata semangat
dan nasihatmu, ayah.*

*Hanya doa kesejahteraan kukirimkan
untuk sebuah api cinta
yang tidak pernah padam.*

Nuriana Dayok



Ang Sau Fan

oleh IZZAH AZWAR



“**K**ita tetap akan bertemu lagi.” Kata itu bersipongang dan bergema dalam seluruh penjuru ingatan Naey.

Naey melihat dirinya berada dalam dakapan seorang lelaki yang sebak menahan tangis. Dia juga melihat jemari putih cerah seorang lelaki memegang rantai leher pada hari perkahwinannya, sambil mengamati jed kecil yang menjadi buah rantai itu. Kemudian dia melihat dirinya berlari mengejar layang-layang yang terputus tali, meliuk-lintuk jatuh mencecah tanah.

Naey menggeleng-gelengkan kepala menghalau rantaian kenangan yang mengasak perasaan dan mengundang takungan air jernih di kelopak matanya. Dia menatap wajah cucunya Memel, bersulam rasa bersalah.

“Kalau nenek tidak mahu ceritakan kepada Memel, tidak apalah nek,” kata Memel dengan wajah sedih sambil meraih tubuh Naey ke dalam pelukannya. Pelukan itu menyebabkan gambaran pemilik asal rantai itu semakin mengasak dalam ingatannya. Naey meleraikan pelukannya lalu melangkah ke dalam biliknya secara tergesa-gesa. Memel

terperanjat, tetapi kemudian segera mengekorinya. Dia melihat Naey membuka almari pakaian dengan tangan terketar-ketar. Tergerak hatinya hendak membantu, tetapi Naey menghalangnya. Memel berundur selangkah ke belakang. Pintu almari kayu itu kemudian berkeriut apabila ditarik oleh Naey. Memel menjengah ke dalam almari, sambil memerhatikan Naey menyelongkar kain baju yang tersusun rapi. Naey mencari sesuatu yang tampaknya sangat penting. Beberapa detik kemudian sebuah tin kecil yang dimakan karat, berada di tangan Naey. Naey menarik tangan Memel ke ruang beranda. Memel menuruti langkah neneknya. Mereka meninggalkan bilik dengan almari yang masih terbuka dan longgokan kain yang bersepah di atas lantai.

Kelihatan ada seri kegembiraan terpancar pada wajah Naey. Tin kecil berkarat itu seolah-olah berjaya mengusir riak resah dan sedih yang menyelubungi wajahnya. Lalu dengan agak payah Naey berusaha membuka tin kecil itu. Memel cuba menghulurkan tangan mahu membantu. Namun Naey segera mengalihkan tin itu di balik pinggangnya. Memel tertawa kecil melihat telatah Naey. Memel membiarkan Naey bersusah payah membuka penutup tin kecil itu. Naey akhirnya berjaya membuka tin itu dan menutupnya semula. Naey diam seketika lalu meniup tin kecil itu sebelum membuka sepenuhnya. Memel menjengah, dengan niat hendak melihat isi tin kecil segi empat yang seukuran dengan bekas alat tulisnya ketika zaman sekolah rendah dahulu. Naey mengeluarkan sekeping gambar lama yang kekuningan warnanya. Tawa kecil Naey tiba-tiba bergema ketika menatap susuk tubuh jejak di dalam gambar itu. Gambar itu kemudian berpindah tangan. Memel menatap gambar itu.

“Siapa lelaki ini nek?” soal Memel. Dahinya berkerut.

“Nenek panggil dia, Wan.”

Naey berjalan memegang sebatang ranting, menguis daun kering dan mencari biji getah yang tersembunyi di sebalik daun kering. Tiba-tiba langkah Naey terhenti apabila Wan berdiri di hadapannya. Naey menatap wajah pemuda itu. Wan berdiri empat langkah di hadapan Naey. Naey tunduk memandang tanah dan menahan nafas. Perlahan Naey mendongak memandang wajah Wan. Wan tersenyum manis kepada Naey. Naey segera mengalihkan pandangannya ke tempat lain. Naey diam, kerana sudah beberapa kali Naey perasan, Wan mencuri pandang ke arahnya ketika pulang bersama-sama dari ladang. Tetapi baru hari itu mereka bersua muka.

“*Isai gea ngarannu?*” Tanya Wan memberanikan diri, walaupun baharu pertama kali mereka bertemu. Naey menundukkan kepala. Jausi berdehem dari kejauhan. Naey melirik seketika, dan Wan berpura-pura menguis daun kering di hadapan kakinya. Wan tersipu malu.

“*Ngaranku Naemi.*” Jawab Naey perlahan.

Wan menunduk mengambil sebiji buah getah, lalu berjalan mendekati Naey dan menghulurkan biji buah getah itu kepadanya. Naey menyuakan bakul rotannya. Wan kemudian merenung Naey.

“Nae ... Naemi?” Wan mencari kepastian.

Naey mengangguk perlahan sambil melirik. Naey melihat sekeliling mencari kelibat sahabatnya Jausi yang sama-sama memungut biji buah getah. Naey tersenyum melihat susuk tubuh sahabatnya yang berdiri jauh dari mereka, berselindung di sebalik pokok getah. Wan memandang ke arah yang sama.

“Kawan kamukah itu? Siapakah namanya?” Soal Wan.

“Ya, itu kawan saya, namanya Jausi.”

Wan mencapai sebatang ranting getah, mengajuk perbuatan Naey menguis-nguis tanah. Naey dan Wan kemudian tertawa kecil serentak.

“Nama saya Wan.” Kata Wan kemudian dengan segaris tawa masih tersisa di sudut bibirnya. Naey tersenyum memandang Wan.

“Hari minggu nanti, saya tunggu kamu di tamu Tuaran.” Wan menambah sambil memandang Naey yang terus menguis tanah. Naey mengangguk dengan wajah berubah rona.

“Apa yang terjadi selepas itu nek?” Memel mengengsot dan duduk betul-betul di hadapan neneknya. Bibirnya menguntum senyuman.

“Nenek, berjumpa juga dengan dia? Siapa namanya? Wankan?” Memel terus bertanya.

Naey menatap wajah Memel dan mengangguk perlahan.

“Ya, di tamu Tuaran.”

Naey kemudian mendongak menatap awan. Dia melihat awan itu berubah menjadi kain layar yang menayangkan pertemuan pertamanya dengan Wan. Naey tersipu malu.

“Wan belikan nenek rantai ini di tamu Tuarankah?” Memel merenung rantai yang tergantung di lehernya lalu mengangkat kepala memandang Naey. Memel menjuihkan bibir. Naey tersenyum melihat tingkah Memel. Naey menggelengkan kepalanya.

“Wan hadiahkan untuk hari perkahwinan nenek dengan atukkan?” Memel meneka lagi. Naey menggelengkan kepala lagi.

Naey menguis tanah yang sudah berlubang.

Juasi sahabatnya, mendekatinya dan merebut ranting kayu getah kering itu daripada tangan Naey.

“Berapa lama sudah kau kuis-kuis tanah tu. Tengok, sampai berlubang. Ada biji getah tertimbuskah di dalamnya?” Juasi berkata sinis. Naey mengetap bibir. Juasi menarik tangan Naey, mereka mendekati sepohon pokok getah.

“Tadi aku jumpa Wan.” Juasi berkata perlahan. Mendengar nama Wan, badan Naey tegak dan pandangannya tajam menatap wajah Juasi. Juasi tersenyum lebar.

“Apa kau cakap tadi?” Naey memegang kedua-dua bahu Juasi.

“Aku beritahu pada Wan yang kau mahu berjumpa dengannya pada petang ini. Tempatnya di sini.” Juasi berkata sambil mengerdipkan matanya berkali-kali.

“Bila aku suruh kau buat begitu?”

Naey melepaskan pegangan tangannya pada bahu Juasi. Naey mundar-mandir di hadapan Juasi.

“Ya. Tidak pernah. Tetapi lihatlah diri kau. Sudah berapa hari kau macam orang kurang siuman. Sudah. Jangan lagi mundar-mandir seperti itu. Tengok di sana, Wan sudah datang. Aku pergi dulu.” Kata Juasi sambil tertawa kecil. Juasi kemudian meninggalkan Naey yang sudah mematung memandang Wan yang berlari-lari anak menuju ke arahnya.

“Saya akan ke rumahmu hujung minggu ini. Bolehkan?” Wan berkata sambil mematahkan ranting kayu kecil di tangannya.

**“Ya.
Tidak pernah.
Tetapi lihatlah diri
kau. Sudah berapa
hari kau macam
orang kurang siuman.
Sudah. Jangan lagi
mundar-mandir
seperti itu. Tengok di
sana, Wan sudah
datang. Aku pergi
dulu.” Kata Juasi
sambil tertawa kecil.
Juasi kemudian
meninggalkan Naey
yang sudah mematung
memandang Wan
yang berlari-lari anak
menuju
ke arahnya.**

Naey melirik Wan yang menunggu jawapan.

“Mak cik kamu sudah bersetuju dengan hubungan kita.”

Pantas Naey memandang wajah Wan. Wajahnya berkerut. Wan tersenyum lebar.

“Aku ke rumahmu kelmarin. Aku berjumpa dengan penjagamu. Hujung minggu ini aku datang dengan hajat besar.”

“Nenek berkahwin dengan dia?” Memel terus menyoal sambil melirik gambar perkahwinan nenek dengan datuk yang tergantung di dinding ruang tamu. Kemudian Memel memandang semula ke arah Naey yang membatu di sebelahnya.

“Nenek menerima lamaran Wan?” kali ini nada soalan Memel semakin lembut. Naey tersenyum sambil mengangguk kepala perlahan.

“Jadi atuk itu...” Memel tidak menghabiskan pertanyaannya. Naey pula menoleh ke arah gambar perkahwinannya.

“Rantai ini Wan kalungkan dileher nenek pada hari perkahwinan nenek dengan Wan.” Naey berkata lirih. Naey mengeluarkan beberapa keping gambar dari dalam tin kecil itu dan menyuakan gambar itu kepada Memel. Memel menyambutnya dan menatap gambar itu sekeping demi sekeping.

“Nenek mengandung.” Memel berkata sambil menunjukkan gambar Naey sedang memegang perutnya.

Naey mengangguk, tetapi kemudian menghela nafas.

“Nenek keguguran.” Naey berkata separuh berbisik. Memel menatap mata Naey.

“Bagaimanakah hal itu terjadi?”

“Pada suatu hari, nenek mengasap dan menyidai getah keping, tanpa pengetahuan Wan. Sebenarnya nenek kasihan melihat Wan membanting tulang seorang diri. Nenek hanya mahu menolong dia.” Kata Naey sambil mengambil gambarnya di tangan Memel. Naey menatap gambar itu dan mengusapnya perlahan.

“Malamnya nenek keguguran. Wan sangat

sedih.”

“Sebab itu dia tinggalkan nenek?” Memel memintas cepat. Naey menggelengkan kepalanya berkali-kali.

“Tidak. Bukan sebab itu.”



Bunyi desiran daun pada perdu atap rumah membawa dirinya menjengah ke luar melalui jendela. Matanya mengamati kegelapan, mengharapkan susuk tubuh suaminya muncul dari kegelapan malam yang sepi itu. Kerisauan mula hadir dalam hatinya, seakan ada debar yang menakutkan mengiringi langkahnya yang mula mundur-mandir tidak keruan di dalam

rumah. Rasa resah kemudian mengheretnya ke jendela. Palang jendela kayu dipegang erat, pandangannya beralih ke kiri dan ke kanan mengharapkan insan yang ditunggu berada di halaman rumah, tetapi Naey hampa, yang ada hanya pohon mangga dan daun kelapa yang



menari gemalai. Bibir diketap mata dipejamkan, hati berdoa penuh pengharapan. Perlahan Naey duduk dan menyandarkan tubuhnya di dinding.

Bunyi salakan anjing tidak jauh dari rumahnya, menyebabkan Naey bingkas bangun dan menerpa ke arah pintu. Daun pintu diselak. Naey menerpa ke beranda. Naey mengurut dada melihat Wan berlari menaiki

anak tangga. Wan menerpa ke arah Naey dan menggenggam tangannya. Pantas Naey mendakap tubuh suaminya. Wan meleraikan pelukan. Wan memimpin tangan Naey masuk ke dalam rumah. Wan mengunci pintu rumah dengan tergesa-gesa.

“Aku sangat risau, kamu tidak pulang rumah sejak pagi tadi. Aku sudah siapkan makanan.” Naey terhenti berkata apabila melihat Wan teresak kecil. Naey mendakapnya semula.

“Ceritakan kepada Naey, apa yang terjadi?”

Naey meleraikan pelukan dan memimpin tubuh suaminya duduk di ruang dapur. Di sebelah mereka ada meja kecil dengan makanan yang ditutupi tudung saji.

“Jepun sudah datang, tempat ini tidak selamat lagi.” Wan berkata sambil memegang bahu Naey.

“Kita akan melarikan diri?” Naey berkata.

“Tidak, ikut saudaramu ke Keningau. Naey ikut mereka ya.” Wan berkata sambil menyapu air mata yang mula mengalir di pipi Naey.

“Wan akan pulang ke China.” Wan mengetap gigi menahan rasa sedih.

“Tidak, Naey akan ikut Wan ke China juga.” Naey berkata sambil menggeleng-gelengkan kepalanya. “Perjalanan Wan jauh dan lebih berbahaya. Kamu ikut rombongan Jausi. Dia juga akan ke Keningau.” Wan berkata sambil memegang bahu isterinya. Naey mengeleng-geleng kepalanya.

“Wan akan datang semula ke sini, Wan tidak lama. Wan akan cari Naey semula. Wan janji.”

“Kita sama-sama ke Keningau.” Naey memintas.

“Tidak. Ini akan membahayakan kamu dan rombongan.” Wan menatap mata Naey dalam-dalam.

“Rombongan akan bertolak esok. Kita tetap akan bertemu lagi.” Wan berkata sambil mengelap air mata yang mulai mengalir di

pipinya. Naey menangis semahunya di bahu Wan.

Naey tersentak apabila mendengar tangis kecil Memel. Memel meneliti tulisan tangan Naey di belakang gambar itu yang tertera nama neneknya. Tulisan tangan yang sangat cantik dan sebaris ayat dalam tulisan Cina yang Memel fahami. Naemi dan Ng Sau Fan dan nama itu dilingkari bentuk hati. Di bawah lingkaran itu ada sebaris ayat yang ditulis dalam tulisan Cina yang Memel tidak fahami. Memel menyebut nama sebenar Naey dan Wan.

“Wan, Ang Sau Fan.” Memel berkata lirih.

Naey hanya melihat kelakuan Memel. Naey mengambil kepingan gambar lama di atas lantai dan gambar yang ada pada tangan Memel. Naey merenung seketika gambar persandingannya dengan Wan di hadapan rumah yang dilatari pokok getah yang masih muda. Naey mengusap gambar itu perlahan dengan segaris senyuman di bibir, lalu menyusun semula gambar tersebut ke dalam tin kecil itu. Nenek kemudian menutupnya dengan helaan nafas panjang. Memel memandang Naey.

“Bagaimana nenek mengharungi hidup selepas itu? Wan datang semula selepas perang berakhir. Adakah Wan benar-benar telah pulang ke China? Nenek tidak bertemu dengan Wan lagikah?” Memel bertanya bertalu-talu.

“Takdir telah menemukan nenek dengan datukmu.” Naey menghela nafas lega.

“Dialah orang yang memberi kebahagiaan yang tidak terhitung dalam hidup nenek. Ini cuma kenangan.” Kata Naey sambil merenung rantai di telapak tangannya, lalu mendongak memandang potret suaminya yang tergantung di dinding. Gambar yang dilukis pada hari perkahwinan mereka. Nenek tersenyum nipis.

Memel memandang potret perkahwinan Naey dengan datuknya lalu memandang wajah Naey.

“Siapa nama orang yang menanyakan tentang rantai ni, Mel?” Naey cuba menduga apabila melihat Memel menggenggam erat rantai itu dengan kejam.

Rona wajah Memel berubah merah.

“Atuk tahu tentang Wan?” Memel mengubah topik perbualan. Naey tersenyum melihat Memel berubah tingkah. Naey mengangguk perlahan.

“Siapakah orang itu cu?” Naey bertanya lagi dengan nada lembut sambil meraih jemari cucunya.

“Hafizam Jamsari.” Memel berkata hampir berbisik, “katanya, ibunya juga memiliki rantai yang serupa.” Memel menambah.

Dahi Naey berkerut, penuh tanda tanya.

“Benarkah begitu?”

Memel mengangguk.

“Siapakah nama ibunya?” Naey memandang tepat ke wajah Memel.

“Alice Ng, Nur Alice Ng Sau Fan.” 

Naey tersentak apabila mendengar tangis kecil Memel. Memel meneliti tulisan tangan Naey di belakang gambar itu yang tertera nama neneknya. Tulisan tangan yang sangat cantik dan sebaris ayat dalam tulisan Cina yang Memel fahami. Naemi dan Ng Sau Fan dan nama itu dilingkari bentuk hati. Di bawah lingkaran itu ada sebaris ayat yang ditulis dalam tulisan Cina yang Memel tidak fahami.

Hanya kerana Nama

*Nama
ramai yang mengejarnya
Selatan
Timur
Barat
isinya tetap sama
nafsu tidak pernah lelah mencari
kerana nama punya kuasa sendiri
bakal mentadbir maya yang semakin tua
kian membongkok dan akhirnya musnah
tanpa disedari bencana bagai serpihan dosa,
musibah datang bertimpa-timpa
manusia tetap rakus mencari nama.*

*Dia masih tetap setia
melindungi watak-watak ciptaan-Nya
wahai sedarlah!
sebelum Dia murka
selagi pintu taubat masih terbuka.*

Nor Amizah binti Abdul Wahab

Monolog Kemerdekaan

oleh MELATI BIRU



Hatinya bagaikan disiat-siat ketika ledakan suara yang bergentayangan di udara, membelah desiran bayu yang berhembus. Lenggang-lenggok tarian pepohonan menyembah bangunan-bangunan konkrit yang gagah mencakar awan. Sesungguhnya alam ini milik Yang Maha Kuasa. Ruang lingkup hidup yang teratur,

bagaikan sebuah drama yang sedang dipentaskan, dan kita sebagai penonton cerdas pandai atau dianggap bodoh sombong, sentiasa menerima tanpa berfikir dari manakah semuanya ini?

Dia terperangkap dalam berbagai tipu muslihat suara-suara jahil. Semakin ramai yang mencari keadilan dan mungkin terus mengatur

strategi untuk mengumpul kekayaan demi anak cucu supaya hidup senang-lenang. Di lorong-lorong antara bangunan mencakar awan, berbondong-bondong para gelandangan mengatur ruang tidur daripada hamparan kotak di merata-rata tempat, bagaikan tidak percaya lagi kepada diri dan telah hilang segala pertimbangan kewarasan fikiran. Dunia ini kelihatan sepi, seolah-olah ruang untuk mencari rezeki hanya

untuk para pemikir yang ego. Kemiskinan rakyat jelata menjadi akar yang membelit keturunan hingga ke anak cucu. Kesempurnaan tiada siapa yang mampu miliki.

Adakala cerita dan suara melaung-laungkan auta yang tidak punya fakta bagaikan air laut terus mengalir. Salah siapa? Atau biarkan sahaja dunia menjawabnya.

Bongkah-bongkah awan terus berarak dan sering bertukar antara kelabu dan hitam, sebagai tanda kemurkaan Tuhan terhunus di bumi. Angin kencang bertiup menghulurkan amarah. Air hujan turun mencurah-curah menangi kebongkakan yang bersarang di minda pemikir kotor dan perlu dijernihkan. Wajah-wajah mulus mendongak ke lazuardi dan bertanya, “Apakah gerangan yang akan berlaku?” Suara-suara ulama, pejuang-pejuang agama dan golongan marhaen menadah tangan memohon doa, “Selamatkan

agama kami dan perpaduan kami. Selamatkan negara kami dan bangsa kami!” Desir suara memohon rahmat kepada Allah SWT.

Di kampung halaman, sanak saudara, jiran tetangga dan sahabat-sahabat bagaikan hilang punca. Tempat mereka berpaut membawa mereka hanyut tanpa haluan untuk memilih hidup atau lebih baik mati. Begitu kedengaran suara-suara hati yang tidak mampu diluahkan dan terpaksa ditelan walaupun pahit.

Adakala cerita dan suara melaung-laungkan auta yang tidak punya fakta bagaikan air laut terus mengalir. Salah siapa? Atau biarkan sahaja dunia menjawabnya. Bongkah-bongkah awan terus berarak dan sering bertukar antara kelabu dan hitam, sebagai tanda kemurkaan Tuhan terhunus di bumi. Angin kencang bertiup menghulurkan amarah. Air hujan turun mencurah-curah menangi kebongkakan yang bersarang di minda pemikir kotor dan perlu dijernihkan.

Membiarkan tangan kanan ditadah seperti peminta sedekah, manakala tangan kiri disorokkan agar tidak ada sesiapa melihat kepura-puraan mereka yang menggadai jati diri dan maruah. Bagi mereka, tanpa wang, tiada kuasa! Itu yang bermain-main dalam minda anak-anak kampung yang tidak berpengaruh, lalu nilai-nilai murni dan kebaikan mereka telah lebur oleh sikap tidak tahu malu.

Para mujahid berhijrah dan bermusafir mencari ilmu dan mengerjakan amal memenuhi ruang dada dan apabila kembali ke tanah kelahiran, mereka menghambur perisai-perisai kepada hamba-hamba yang cintakan Allah SWT. Meski di sebalik perjuangan mereka ada tembok penghalang dan pemusnah, sering dilontarkan mortar, agar hancur berkecai dan menjadi abu. Kekuatan mereka yang mengagungkan kebesaran-Nya, agak luar biasa.

“Allahu Akhbar!” Laungan suara mereka memecah ke udara.

“Ada sesiapa mahu menandingi kuasa yang luar biasa?” Getus hati kecilnya melontarkan persoalan. Bait-bait aksara terus menari mengikut alunan rasa jiwa yang sering melagukan zikir cinta kepada Yang Maha Esa. Moga tenang dan damai jiwa-jiwa yang sering dihambat resah dan kegelisahan yang beralun-alun dalam getaran besar bak Tsunami itu.

Hanya beberapa hari lagi perang jiwa akan berlaku mengikut tuntutan demokrasi.

“Patutkah begitu!” Seru suara itu.

“Tetapi mengapa mesti mengorbankan jati diri atau hak keamanan, dalam erti kata kemerdekaan yang sengaja diuar-uarkan. Seakan kita tidak pernah tahu yang kita sering dijajah atau memang suka dijajah kerana kebodohan sendiri memihak dan melindungi ketidakadilan yang telah berlaku.” Bentaknya dalam diri yang bermaharajalela menghukum dan menyalahkan khilaf yang diada-adakan.

“Orang-orang kecil mahu terus menjadi kecil. Tidak ada daya untuk menentang kepura-puraan yang menjadi topeng, dan mengaburi mata-mata celik yang semakin buta dengan kuasa yang tidak bersempadan.” Keluh suara yang menjadi bisul, hamis dan bernanah.

“Semakin kecillah kau, diperalat dengan penindasan yang semakin meningkat bak gunung berapi yang memuntahkan lahar lalu

mengotori diri dan mengakibatkan derita yang silih berganti. Mungkin kau wajar menerima hukuman itu kerana rela melakukannya atau terpaksa demi liburan berterusan yang akan menjadi senjata hipokrit yang menguburkan segala kebenaran.” Dengus suara yang kedengaran sayup-sayup di bawah angin.

“Aku melihat kamu gusar wahai anak-anak Adam!” Suara itu mengejutkan dirinya daripada mimpi ngeri sebentar tadi.

“Apa maksud mimpku?” Hatinya tertanya-tanya.


“B u k a n k a h mimpi itu mainan tidur,” bisik hati kecilnya. Matanya terkebil-kebil. Berkali-kali juga dia mengulum bibirnya yang kemerahan itu.

Kedut-kedut di dahinya menampakkan keresahan dan kegusaran. Dadanya

berombak-ombak, diurutnya perlahan agar reda rasa sakitnya. Bibirnya mula berzikir dan berdoa mohon pertolongan Allah.

“Subhanallah! Walhamdulillah! Walillahailallah, wallahuakhbar!” Berulang-ulang ucap zikirnya sehingga tenggelam dalam keresahan yang memudar. Akhirnya dia nyenyak kembali meraup malam yang semakin hampir menabirkan hening pagi.

Esok ialah tanggal keramat, tarikh lahirnya bersamaan dengan tarikh kemerdekaan negara. Tarikh itu menjadi rencam yang bernyawa membara beribu-ribu amarah yang diam. Sudah lebih empat dekad,



kemerdekaan negara dikecapi bersama-sama pada hari kelahirannya. Namun, sejak kebelakangan ini, suasana dan kenikmatan merdeka itu sudah semakin luntur. Hatinya juga gusar meratapi ketidaknyamanan yang menyelebungi perdu payung negara. Suara-suara sumbang juga semakin berani menghantar amarah, perasaan benci dan dusta. Kegelisahannya juga turut menghambat dirinya bertubi-tubi.

“Aku mahu negaraku ini terus merdeka!”
Laung hati kecilnya membungkus segala keberanian untuk bersuara. Hanya itu dayanya yang ada. Air matanya mengalir tidak mampu dibendung.

“Jika aku mampu bersuara, jika aku berupaya tampil di kaca tv, pada semua media elektronik ataupun media cetak, akan kusuarakan dan jeritkan bahawa negaraku ini merdeka! Negaraku ini hak mereka yang cinta akan kemerdekaan. Kemerdekaan yang tidak mampu diruntuhkan, kecuali oleh kuasa Allah. Allahu Akhbar!”

Selepas menunaikan kewajipan tuntutan kepada Allah SWT, dia berasa begitu teruja menempuhi usia genap empat puluh tahun, pagi itulah pagi teristimewa yang akan memungghah segala kesakitan yang menyerangnya sekian musim, membelenggu dan menjadi penyakit jiwa pada sekalian anak-anak Adam.

“Jangan ada yang masih bermimpi lagi.”

“Bangun daripada kepura-puraan yang menyelimuti angan-angan kosong itu.”

“Tak faham.”

“Sudah masanya harus berubah, jangan terus dijjajah.”

“Hidup ini perjuangan.”

“Apa kau ingat, kau saja yang tahu untuk berjuang?”

Tersentak dirinya dengan soalan yang terlontar, sebenarnya soalan untuk anak-anak

Adam yang lupa kembali ke pangkal jalan. Soalan yang patut dia lontarkannya, bukan oleh suara-suara itu. Dia diam dan terpaksa, mulutnya terkunci seketika.

Esok ialah tanggal keramat, tarikh lahirnya bersamaan dengan tarikh kemerdekaan negara. Tarikh itu menjadi rencam yang bernyawa membara beribu-ribu amarah yang diam. Sudah lebih empat dekad, kemerdekaan negara dikecapi bersama-sama pada hari kelahirannya. Namun, sejak kebelakangan ini, suasana dan kenikmatan merdeka itu sudah semakin luntur. Hatinya juga gusar meratapi ketidaknyamanan yang menyelebungi perdu payung negara. Suara-suara sumbang juga semakin berani menghantar amarah, perasaan benci dan dusta. Kegelisahannya juga turut menghambat dirinya bertubi-tubi.

“Kemerdekaan ini biar terus merdeka, jangan diruntuhkan. Ini lambang kelahiranku, ini juga lambang negara maju.”

“Kau mimpi agaknya!” Sindir suara itu.

“Tidak, aku di alam nyata!” Jawabnya selamba.

“Aku juga berhak untuk bersuara, aku juga ada jati diri dan keyakinan untuk tampil sebagai seorang pejuang. Kau ingat, kau sahaja yang layak untuk bersuara?” Gelak suara itu memecah lagi, bagai seekor naga mengibaskan ekornya. Hatinya mula tergugah dengan suara dan gelak sinis tanpa diundang itu.

“Tidak, tidak!”

Pak Joko menggoncang-goncang tubuhnya. Dia masih lagi mengigau.

“Ayuh bangun! Ini udah pagi,” kata Pak Joko.

“Astaghfirullah. Astaghfirullah. Astaghfirullah.” Sambil menggosok-gosok matanya, dia menatap hairan wajah Pak Joko dan melihat sekeliling dengan mata terkebil-kebil.

“Apa, saya mengigau Pak Joko?” Soalnya.

“Ya. Inikan udah jam berapa. Ulang-ulang bapak bangunkan kamu, asyik-asyik kamu dengan mimpi apa ya?”

“Selepas tunaikan solat subuh tadi, tak sedar saya boleh tertidur dan mengigau sebegini.”

“Orang tua-tua kata, udah solat Subuh ngak bisa lagi tidur, harus terus bangun dan kerjakan apa saja pekerjaan yang harus dikerjakan.”

“Saya letih Pak Joko, hampir semalaman tak tidur.”

“Kok, malam tadi buat apa ya?”

“Mikir masa depan!”

“Masa depan kamu ya?”

“Negara Pak Joko.”

“Ngak usah susah-susah mikirin negara,

kan udah ada Kepala Negara. Kita setakat rakyat menyokong kepada Kepala Negara.”

Dia tersenyum dan mengenakan sesuatu pemikiran yang agak dangkal dalam pengucapan Pak Joko, orang yang ditemuinya di jalanan dan dibawanya pulang menjadi kawan. Pak Joko hanya seorang rakyat Indonesia yang tertipu dengan janji palsu para pedagang manusia yang tamakkan wang, mereka sanggup mempertaruhkan jati diri dan maruah memperdagangkan manusia.

Inilah rencam sebuah kehidupan dan negara yang masih perlukan teguran

untuk membina perpaduan dan persaudaraan, bukan

memecah belahkan kerukunan dan

keamanan yang sedia ada. Merdeka bukan

hanya dengan ungkapan. Kemerdekaan

tidak mudah untuk membinanya melainkan dengan


kepintaran dan kebijaksanaan. Merdeka

ini bukan milik seorang pemimpin, tetapi kita yang telah lahir di buminya harus menjaga kemerdekaan dengan kejujuran dan keikhlasan, bukan dengan sebuah pembohongan yang akan menjadi api dendam yang menyala-nyala dan ditokok dengan dokongan palsu. Robohlah sebuah kemerdekaan jika kita terus longlai dengan bujukan dan kepalsuan.

“Aduh. Lupa saya! Selamat hari lahir ya! Selamat hari merdeka juga untuk kamu dan negara ini. Merdeka!”

Dia hanya mampu tersenyum.

“Merdeka buat negaraku dan aku. Merdeka!” Bisiknya di dalam hati dengan senyuman penuh makna. **W**



Andai Kita

*Andai hidup sering bermandikan alasan
bersedialah untuk karam di lautan kegagalan
andai hidup berdiri atas dasar kemalasan
bersedialah untuk sampai ke puncak kejahilan.*

*Andai hidup selalu bermain dosa dan angkara
bersedialah untuk menerima habuannya
dalam jurang kebinasaan yang dalam
jurang penyesalan tiada berpenghujung.*

*Andai hidup sering mengabaikan masa
bersedialah untuk selalu rugi selamanya
yang berlalu tidak akan mampu diulangi semula
walau dengan selautan penyesalan dan tangisan.*

Jasman bin Bandar

Salam Merdeka Negaraku

*Tanggal 31 Ogos bergema lagi
berulang ceritera seribu erti hari
kemerdekaan negaraku yang tercinta
kembali menggamit*


*Syukur ke hadrat-Nya atas nikmat ini
negaraku bumi bertuah
di sini telah lahir seorang pejuang
bangsa
dari bumi tanah tercinta
saat ini mercu Malaysia di puncak
jaya.*

*Di hari kemerdekaan yang ke-57
yang penuh keramat ini
aku panjatkan doa pada
Yang Maha Esa
semoga negaraku sentiasa dalam
lindungan-Nya aman dan damai
di bawah naungan-Nya.
dan
salam merdeka negaraku
tanahairku yang tercinta
merdeka!*

Rozeline Vitalis

Terperangkap

oleh MAD SAKIRAN HAJI SULAIMAN



Sejak dia sekeluarga berpindah ke rumah pangsang baharu itu, dia asyik memikirkan bagaimana bangunan itu direkabentuk dan dibina. Keluarganya dan jiran-jirannya, seakan berada dalam oven yang panas kerana memikirkan faktor keselamatan. Bukan dia mempertikaikan pihak tertentu atau lembaga

perumahan, dan tidak pula meletakkan kesalahan itu kepada pihak yang terbabit. Dia sekadar memikirkan faktor keselamatan diri dan keluarganya. Baginya cara bangunan itu dibina seakan suatu ancaman maut, satu fenomena yang tetap akan melanda diri, keluarga dan jirannya.

Setiap kali dia turun ke tempatnya bekerja, hatinya resah gelisah. Risau bercampur bimbang. Bukan soal gaji tidak cukup. Bukan pula tempat kerja tidak selesa. Pengangkutan amat selesa, tetapi masalah keselamatan keluarganya, malahan jiran-jiran juga menjadi perhatiannya. Bagaimana kalau berlaku kebakaran di tingkat bawah, bagaimana penghuni di tingkat atas hendak melarikan diri? Api pasti akan merebak ke atas hingga ke tingkat lima. Tangga hanya sebuah, dikongsi oleh semua penghuni sepuluh unit rumah di sebelah-menyebelah. Keadaan inilah yang selalu terbayang di ruang matanya. Dia gelisah apabila memikirkan perkara tersebut. Kalau pihak bomba lambat dihubungi, pasti semua penghuni di tingkat satu hingga ke tingkat

lima akan terperangkap. Pasti semuanya akan mati hangus terbakar. Mereka tidak boleh keluar, tidak boleh turun kerana api tetap merebak ke semua unit rumah pangsa.


Kalaupun melakukan percubaan melompat untuk menyelamatkan diri, pasti mereka yang terlibat akan menemui maut atau sekurang-kurangnya patah mana-mana

anggota tubuh dan lumpuh kekal. Dia semakin resah memikirkan gejala yang berlegar-legar dalam ruang lingkup otaknya. Bukan dia menanam prasangka di lubuk hatinya. Tidak pula meletakkan kesalahan kepada pihak lembaga perumahan, cuma memikirkan keselamatan keluarganya yang tidak terjamin

dan seakan tidur dalam jurang maut. Bagaimana kalau sedang tidur akan berlaku kebakaran? Tingkat tiga, empat dan lima agak tinggi, sudah pasti api tetap merebak dan menjilat benda-benda yang mudah terbakar. Maka penghuni di tingkat tiga, empat dan lima itu pasti akan menemui maut. Setiap hari Razlin resah di tempat kerja, memikirkan keselamatan keluarganya di rumah. Setiap detik dia berdoa, memohon perlindungan daripada Allah

untuk keselamatan keluarganya dan semua penghuni rumah pangsa mereka.

“Jangan memikirkan sesuatu yang tidak dapat digapai oleh fikiranmu. Bangunan itu sudah siap, sudah ada penghuni, telah diluluskan oleh pihak perumahan. Kita tidak boleh memprotes atau menegur pihak berkenaan.” Kata rakan sekerjanya, Sevanegar.



Mereka berdua duduk minum di gerai setelah selesai bertugas.

“Ya, akupun mengakui perkara itu. Tapi cuba kau fikirkan, betapa bahayanya penghuni rumah sewa beli aku tu. Sebelah-menyebelah sentiasa terancam, sentiasa dalam keadaan bimbang.” Kata Razlin sambil meneguk kopi panas.

“Jadi, apa yang paling baik pada pandanganmu?” Sevanegar yang baru saja menelan cebisan kuih pauh ayam itu bersuara memastikan.

“Aku fikir, cara pembinaan rumah itu agak melencong sedikit daripada spesifikasi yang dimaksudkan oleh lembaga perumahan.” Razlin berterus terang lagak seorang jurutera.

“Di segi mana yang Razlin maksudkan?” Sampuk Sevanegar selamba. Dia menjeling ke luar, kelihatan gerimis, namun para pejalan kaki tidak menghiraukan. Suara-suara kempen bagi melariskan jualan masih juga kedengaran. Pelbagai kata-kata terluah yang kesemuanya bertujuan menarik minat para pembeli. Razlin turut sama melihat keluar, lorong masjid India semakin sibuk, semakin sesak walupun gerimis kerana hari kebesaran tidak lama lagi akan dirayakan. Setiap tahun hari kebesaran suku kaum pasti disambut, menyahut slogan 1 Malaysia yang disebut oleh Perdana Menteri Malaysia.

“Bagi pendapatmu, bagaimana yang sepatutnya sesuai atau boleh memudahkan para penghuni rumah kamu itu boleh lolos daripada api jika sekiranya berlaku kebakaran?” Sevanegar masih memegang cawan yang berisi kopi pekat itu. Dia begitu berminat pada minuman hitam pekat itu.

“Cuba ingat kembali, bagaimana bangunan rumah pangsa itu. Ada satu tangga sahaja dikongsi dengan sepuluh unit rumah dari tingkat satu, tingkat dua, tingkat tiga, tingkat empat dan tingkat lima.” Razlin seakan memberi taklimat kepada rakan sekerjanya itu. Dia mahu

keresahannya, keresahan keluarganya dan jirannya dapat dikongsi bersama.


“Ya, aku juga pernah melihat bangunan seperti rumah pangsa kamu itu. Tetapi apa sebenarnya yang Razlin mahu cadangkan kepada pihak Lembaga

perumahan. Peta atau keterangan pelan bangunan telah diluluskan, itu yang menjadi kunci dan panduan pihak pemaju?” Sevanegar masih lagi mengunyah kuih pauh ayam.

“Aku cadangkan kepada pihak lembaga perumahan menyediakan tangga yang lain daripada tangga utama itu.” Razlin baru saja meletakkan cawannya kembali.

“Bagaimana tangga seperti itu boleh kau fikirkan?”

“Ya, sekurang-kurangnya penghuni di setiap tingkat rumah itu boleh mencari jalan



keluar yang selamat melalui tangga tambahan itu.”

“Maksud Razlin, bagaimana?”

“Tangga yang ada sekarang memanglah sesuai. Namun ada lebih elok dan selamat jika di luar sebelah-menyebelah bangunan dibuat

“Dengan adanya tangga tersebut, maka semua penghuni akan merasa terjamin keselamatan mereka. Jika sekiranya berlaku kebakaran, mereka boleh berlari ke tangga yang di tengah dan tangga di kedua-dua hujung bangunan.” Razlin semakin serius menjelaskan ideanya. Sevanegar masih geleng kepala, masih kurang memahami bagaimana tangga tersebut boleh dibuat atau dibina.

lagi tangga tambahan untuk memudahkan penghuni bergerak turun naik di bangunan tersebut.” Sevanegar menganggukkan kepala, mungkin memikirkan dan menterjemah idea Razlin.

“Dengan adanya tangga tersebut, maka semua penghuni akan merasa terjamin keselamatan mereka. Jika sekiranya berlaku kebakaran, mereka boleh berlari ke tangga yang di tengah dan tangga di kedua-dua hujung

bangunan.” Razlin semakin serius menjelaskan ideanya. Sevanegar masih geleng kepala, masih kurang memahami bagaimana tangga tersebut boleh dibuat atau dibina.

“Sevanegar mungkin pernah dengar atau terbaca dalam akhbar. Penghuni di tingkat satu hingga tingkat lima, semuanya mati hangus setelah tingkat bawah terbakar. Ketika itu pihak bomba agak lambat dan kebetulan tenaga elektrik terputus.” Razlin sengaja mengimbas kisah ngeri itu kepada rakannya agar memahami kerisauannya.

“Dalam soal berkongsi tangga, aku tidak pertikai, memangpun begitu yang diperlukan berdasarkan kepada justifikasi kerja pembinaan.” Sambung Razlin membuat Sevanegar semakin kuat anggukannya.

“Ya, aku telah baca berita ngeri itu. Masalah tangga juga dipertikaikan.” Sevanegar menghabiskan minuman kopi O pekatnya sementara Razlin memanggil pelayan untuk membayar harga minuman mereka. Lorong Masjid India semakin ramai dan sibuk oleh para pelanggan untuk mendapatkan keperluan mereka. Musim perayaan tidak lama lagi. Kelihatan orang ramai berpusu-pusu dengan pelbagai jenis barangan sudah memenuhi bakul mereka. Razlin menggeleng kepala melihat orang ramai seakan berpesta di lorong itu. Setelah wang baki dikembalikan, dua sahabat itu keluar dari gerai berkenaan mengikuti arus manusia yang semakin sibuk membeli-belah.

“Esok kita cuti selama dua hari, Sevanegar.” Razlin sempat menjelaskan.

“Oo ya, cuti Hari Deepavali. Selamat bercuti Razlin.” Ucapnya terus beriringan menuju ke stesen perhentian LRT Kuala Lumpur.

“Sama-sama, moga negara kita aman dan rakyatnya terus bersatu padu, membina negara bangsa yang bertamadun.” Razlin menyelitkan suara hatinya sambil singgah membeli air sirap.

“Kita minum air sirap ya?” Ajak Razlin melihat Sevanegar yang setia bersamanya.

“Aku ok saja Razlin.” Mereka masing-masing membayar harga minuman yang mereka pilih.

“Masih aku ingat kebakaran ngeri dekat Kajang tu. Sebuah rumah pangsa terbakar, hampir dua puluh orang mati hangus. Ini berlaku akibat tangga hanya sebuah sahaja, tanpa ada tangga di luar.” Sevanegar kembali menyentuh maksud sebenar Razlin. Kedua-dua mereka melangkah menuju ke perhentian LRT di pusat bandar itu.

“Itulah yang selalu menghantui fikiranku Seva. Bagaimana kalau berlaku kebakaran di bahagian bawah, pasti di bahagian atas akan berlaku kemalangan ngeri kerana penghuni di bahagian atas tidak dapat melarikan diri. Walaupun terjun, mereka semuanya akan mati juga.” Razlin terus melangkah sambil menikmati minuman air sirap limau.

“Tapi aku tengok fizikal bangunan kedai, bangunan sewa beli, semua sama strukturnya, tangga hanya sebuah, terpaksa berkongsi dengan rumah sebelah-menyebelah.” Sevanegar terus melangkah mendekati kawasan perhentian LRT.

“Kenapa tidak terfikir oleh jurutera pereka pelan perumahan untuk membuat tangga tepi bangunan?” Razlin menjeling rakannya yang singgah ke tong sampah membuang cawan kertas minumannya yang sudah kosong.

“Mari.” Sevanegar mendahului Razlin menuju ke mesin token untuk membeli tiket LRT. Sevanegar memasukkan dua keping wang kertas seringggit dan enam keping duit syiling dua puluh sen. Kedua-duanya pulang ke Sunway Pyramid, di perhentian Setia Jaya.

“Tapi selama ini hanya satu kes berlakunya kebakaran ngeri seperti dekat Kajang.” Sambung Sevanegar setelah mereka duduk di bangku besi di perhentian LRT.

“Aku juga sedar perkara itu. Rumah konkrit memang sukar terbakar. Walaupun ada, mungkin pihak bomba segera datang hasil laporan penghuni rumah terbabit.” Akui Razlin

bernada perlahan mengakui kebenaran hujah rakannya.

“Sebab itulah tangga disediakan hanya sebuah, tanpa membuatnya di bahagian luar sebelah menyebelah bangunan. Unit kawalan pihak penguasa bomba dan penguasa bangunan, siap sedia bertugas.” Sevanegar mengakui sendiri. Razlin angguk kepala memahami hujah yang dijelaskan rakannya.

“L a g i p u n , tangga tidak boleh disediakan di bahagian luar bangunan, seperti yang Razlin maksudkan. Ini ibu kota, banyak kes pecah rumah. Bahaya Razlin.” Razlin sekali lagi angguk kepala tanda memahami hujah rakannya.

LRTpun berhenti dan penumpang seakan tidak sabar terus berebut-rebut keluar berpusu-pusu. Para penumpang yang hendak masuk juga berebut-rebut mahu mendahului penumpang yang lain sehingga ada yang berlanggar sesama sendiri. Razlin mengambil tempat duduk di bahagian tepi agar mudah baginya melihat keindahan ibu kota. Setelah selesai memuat turun penumpang, LRT pun bergerak perlahan menuju ke perhentian seterusnya. ▣

“Itulah yang selalu menghantui fikiranku Seva. Bagaimana kalau berlaku kebakaran di bahagian bawah, pasti di bahagian atas akan berlaku kemalangan ngeri kerana penghuni di bahagian atas tidak dapat melarikan diri. Walaupun terjun, mereka semuanya akan mati juga.” Razlin terus melangkah sambil menikmati minuman air sirap limau.

Sahabat

*Dia menyayangimu
tetapi bukan kekasihmu
dia prihatin kepadamu
tetapi bukan keluargamu
bersedia merasai kesakitanmu
tetapi bukan darah dagingmu
dia adalah sahabatmu.*

*Sahabat
marah seperti ayah
peduli seperti ibu
mengusikmu seperti kakak dan abang
manja seperti adik
tetapi menyayangimu lebih daripada
kekasih
itu adalah sahabat.*

Perindu Sepi

“Membaca” Puisi-puisi Pilihan Wadah

oleh ZAITON AJAMAIN

“... Jika karya sastera diumpamakan sungai, pemikiran dan amanat tidak kelihatan di bahagian atas...” (SN Muhammad Haji Salleh, *Pelita Bahasa*, Hal. 8, Jun 2013. Dalam “Hubungan Tatabahasa dengan karya Sastera”, oleh Rahman Shaari).

“... Puisi semahunya dibaca sebagai bacaan yang menghiburkan jiwa melalui kata-kata dan penyusunan kata-katanya... Menikmati puisi sebagai pembaca yang ingin berhibur dan mencicip pengajaran daripada kata-kata yang mempesonakan lebih memerlukan kepekaan rasa dan kebijaksanaan akal...” (S.M. Zakir, “Puisi itu, Mengajar dan Menghibur” dalam *Dewan Sastera*, Hal. 19, Bil. 7 2014).

“... *Some write poetry not to please readers but because of an inner need to understand, to correct and to reform, to present ideas to the world through the channel of literary pose....*” (Annie Proulx, “why do we write?” 2014 Kenynote Address at AWP's Annual Conference & Bookfair in Seattle, Washington, USA, dalam *The Writer's Chronicle*, May/Summer 2014).

“Membaca Puisi” memberikan kepada pembaca dua kemungkinan: pertama, membaca sebuah puisi dari awal hingga ke akhir baris dan kata, kerana minat membaca puisi, oleh itu tertarik kepada judul kumpulan puisi dan tajuk puisi. Maka puisi tersebut dibaca bermula daripada tajuknya, kata ke kata, baris atau larik ke baris, stanza atau para ke stanza, sehingga selesai. Kemudian membaca lagi untuk bacaan kedua,

dengan matlamat untuk menghayati dan memberi apresiasi. Maka berlakulah proses analisis atau pencerakinan, diikuti proses menanggapi atau pencernaan.

Jika puisi yang dipilih sepanjang 14 baris, dalam dua stanza atau para, jika dibaca sehingga baris ke-7 sahaja, inilah proses membaca biasa. Puisi ditinggalkan begitu sahaja. Namun demikian, jika sekiranya pembaca setelah membaca “lapisan atas”,

berhasrat meneruskan pembacaannya, untuk mencari “pemikiran dan amanat” penyair, maka dia perlu menyelami hingga ke “lapisan bawah” atau dasar sungai. Menurut SN Muhammad Haji Salleh, “pemikiran dan amanat tidak kelihatan di bahagian atas (sungai)”.

Pengarang (*author*) yang berjaya akan membuat pembaca ingin membaca lebih daripada sekadar kata ke kata, larik ke larik, para ke para. Maka berlakulah proses mencerap: menanggapi dan mencerakin serta menganalisa.

Untuk kali ini, marilah kita lakukan proses pertama, iaitu membaca sepintas lalu, melakukan pemahaman *surface level*, bukan menelaah *underlying structure* atau “lapisan bawah sebatang sungai”. Mari kita membaca “apa yang terapung di atas sebatang sungai”. Ibarat kata S.M. Zakir, tokoh sasterawan dan pengarang terkenal Malaysia, bahawa membaca puisi itu sebagai bahan yang menghiburkan melalui kata-kata dan penyusunannya, melalui proses ini kita dapat menikmati puisi sebagai “pembaca yang ingin berhibur dan mencicipi pengajaran daripada kata-kata yang mempersonakan lebih memerlukan kepekaan rasa dan kebijaksanaan akal.”

Bagi keluaran pada kali ini, *Wadah* memilih tiga buah puisi: “Mentari” oleh Zubir Osman, “Ayah” karya Nuriana Dayok dan

“Bongawan Sejenak dalam Manifestasi” nukilan Rona Sutera. Oleh itu, berpandukan petikan di atas, marilah kita membaca tiga puisi pilihan *Wadah* kali ini. Setelah itu, kita teliti pula petikan ketiga kepada persoalan “mengapa saya menulis puisi?” atau “mengapa puisi ditulis?”

Mari kita baca puisi bertajuk “Mentari” karya Zubir Osman pada “aras permukaan” sahaja, sambil memetik “diksi”, iaitu pilihan kata oleh penyair Zubir Osman dan pengungkapan kata atau pembentukan ungkapannya.

Mengapakah Zubir Osman menulis tentang “Mentari”, tidak “Matahari”? Maka kita pun terus membaca, sambil mencari makna di sebalik kata. Apabila ini berlaku, kita telah “membaca” pada yang tersurat dan tersirat. Ini jelas: “Mentari/kau bersembunyi di balik dedaun resah.” Kata “mentari” berbanding “matahari” tentu lebih

indah, lebih puitis. Inilah kata kunci kepada keinginan untuk “membaca” melebihi tiga baris. Lojiknya, apabila matahari mula memancar, pancarannya yang panas itu pasti menerobos setiap lubang walau sekecil mana pun. Pancaran matahari pula boleh kita lihat sebagai pancaran yang terik atau sederhana. Kita juga mula, bertanya mengapa perlu “bersembunyi di balik dedaun resah”? Kita pun membaca lagi ke stanza para berikut, maka tahulah kita, apabila terbit mentari akan

Pengarang (*author*) yang berjaya akan membuat pembaca ingin membaca lebih daripada sekadar kata ke kata, larik ke larik, para ke para. Maka berlakulah proses mencerap: menanggapi dan mencerakin serta menganalisa.

bersinar “menyuluh serata maya” yang “muram dan suram” tanpa sinar mentari, memberi “fotosintesis diri / agar tidak dibaham puaka yang melaram / suram bungkam seram”. Maka jika “aku” boleh menggapai mentari, “kupertik / kutatah di dadaku / biar cahayamu / menyeruak membahang / dari hasratku”. Malangnya, “aku sekerdil biji sawi / ranap luluh hancur / dalam simbahan / cahaya rahmat-Mu / mentari bersinar lagi. Penulis atau aku minta: “Salut daku / dengan lelehan peluh / mandian hangat / bersamamu”.

Setakat ini puisi “Mentari” masih boleh “dibaca”, sungguhpun berdasarkan beberapa kata dan ungkapan yang dipilih dan digarap, terdapat beberapa kemusykilan atau gangguan pada “pembacaan” kita. Berjayakah penyair? Memungkinkan kita membaca pada kedua-dua lapisan, mungkin.

Selanjutnya puisi “Ayah” oleh Nuriana Dayok, cuba mengungkapkan tentang ayah yang dirindunya, namun telah “pergi selamanya”. Puisi ini bertemakan kasih sayang seorang anak kepada ayahnya. Tidaklah sukar untuk “dibaca”. Mungkin kerana puisi yang sangat mudah tiada yang perlu dicari di sebalik yang tersurat. Pilihan kata atau diksi juga tidak memerlukan kita membuat rujukan. Malah ungkapan yang dirungkai juga mudah “ditelaah”. Semudahnya “Ayah” tidak memerlukan kita “membaca” pada lapisan makna kedua.

Sungguhpun demikian, akibat terlalu mudah dibaca, tidaklah pula membuat kita mengabaikannya selepas baris “Baru semalamku seru ayah / dalam desah rindu.” Kita akan terus membaca sehingga ke stanza ke-4: “Hanya doa kukirimkan dan kesejahteraan dititipkan / untuk sebuah api

cinta / yang tak pernah padam”.

Membaca puisi “Bongawan Sejenak dalam Manifestasi” karya Rona Sutera, sebanyak tujuh para atau stanza ini membuat kita merumuskan puisi ini sangat mudah, namun memiliki nilai estetik, tidaklah membosankan untuk dibaca sehingga para ke-7. Puisi ini mengungkapkan tentang Bongawan sebuah pekan yang hanya ada “sederet bangunan baru / di antara kedai-kedai lapuk / usia dimamah zaman / mengusik sayu keseraut wajah desa sepi / menggamit sendu kehijauan rimba margastua”. Namun Bongawan terus tinggal sebagai pekan yang “belum mengecapi erti warna sebuah pembangunan / yang menjanjikan segunung impian / menelan jutaan ringgit”, “... hanyalah sebuah pekan terpinggir”

Sesungguhnya, ketiga-tiga puisi ini berupaya “dibaca” sebagai satu pembacaan biasa, boleh juga “dibaca” untuk mencari makna di sebalik ungkapan rasa. Tidaklah terlalu sukar “dibaca” untuk diberi tafsiran, ibarat kata SN Muhammad Haji Salleh, “pemikiran dan amanat” boleh dibaca dan dicari di bawah sungai atau pada di dasarnya.

Namun, untuk mencari sama ada ketiga-tiga puisi memenuhi ciri-ciri sebuah puisi yang baik, memerlukan “pembacaan dan penyemakan atau pemurnian” pada pemilihan kata, pembentukan ungkapan atau metafora. Sesungguhnya, “pembacaan” tidak saja berlaku kepada pembaca bermaksud audiens atau khalayaknya, akan tetapi “dibaca” oleh penyair berulang kali untuk tujuan pemurnian sehingga ia berpuas hati dan telah berjaya mencipta “keterbacaan” yang tinggi. Selamat berkarya. **W**

Cerpen Adalah Sebuah Pesan

oleh S.M. ZAKIR

Levi-Strauss menyatakan, bahawa pelbagai aktiviti sosial, termasuk hasilnya adalah bahasa-bahasa yang membawa seperangkat tanda dan simbol yang menyampaikan pesan tertentu. Dalam istilah sastera pesan disebut sebagai mesej. Maka penelitian terhadap sesebuah cerpen, peneliti seringkali akan mencari pesan atau mesej yang dikemukakan oleh penulis cerpen tersebut. Pembaca selalunya terkeliru apakah pentingnya sebuah mesej dalam sesebuah cerpen. Walhal sesebuah cerpen selalunya dilihat sebagai cerita yang ditulis untuk menghiburkan pembaca. Pembaca sering kali beranggapan bahawa yang penting dalam sesebuah cerpen adalah cerita yang membuatkan emosi mereka tersentuh, ataupun cerita yang membuatkan mereka terhibur. Hal ini kadangkala turut dikongsi oleh penulis yang merasakan bahawa menulis sesebuah cerpen ini tujuannya hanya untuk mencoret sebuah cerita demi memberikan perasaan ataupun hiburan kepada pembaca. Malah terdapat penulis yang menjadikan cerpen sebagai luahan hati tanpa mengira sama ada pembaca memahami atau tidak, hasil tulisan mereka. Kembali kepada kepentingan pesan atau mesej, Levi-Strauss melihat pesan sebagai tatacara atau sebab musabab terhadap fenomena kehidupan manusia. Maka cerpen sebagai gambaran terhadap fenomena kehidupan manusia tidak akan berfungsi jika tidak menyampaikan sebarang mesej atau menyampaikan mesej yang kuat dalam ceritanya.

Cerpen “Ang Sau Fan” karya Izzah Azwar bertolak daripada perbualan seorang nenek bernama Naey dan cucunya Memel. Rantai berbuah jed kecil dan sekeping gambar usang

tersimpan di dalam tin, membawa perbualan Naey dan Memel kepada kisah cinta silam Naey dengan Wan, seorang lelaki Cina di pekan tempat tinggal Naey. Kenangan kisah cinta Naey berselang-seli dengan perbualan Memey pada masa sekarang dan imbas kembali

Levi-Strauss menyatakan, bahawa pelbagai aktiviti sosial, termasuk hasilnya adalah bahasa-bahasa yang membawa seperangkat tanda dan simbol yang menyampaikan pesan tertentu. Dalam istilah sastera pesan disebut sebagai mesej. Maka penelitian terhadap sesebuah cerpen, peneliti seringkali akan mencari pesan atau mesej yang dikemukakan oleh penulis cerpen tersebut.

pertemuan serta percintaan Naey dan Wan. Naey berkahwin dengan Wan, tetapi Naey keguguran. Ikatan kasih mereka kemudiannya terputus apabila Jepun menyerang dan Wan terpaksa menyelamatkan diri daripada diburu Jepun kerana berbangsa Cina. Perkahwinan mereka terlerai apabila Wan hilang tanpa

khobar berita dan Naey berkahwin dengan datuk kepada Memel. Namun hubungan jiwa Naey bertemu kembali dengan Wan, apabila Memel menyebut tentang Hafizam Jamsari anak kepada Nur Alice Ng Sau Fan, iaitu cucu kepada Wan. Cerpen ini tidak mempunyai sebarang mesej yang kuat selain menyampaikan kisah tentang cinta lampau yang terputus dan disudahi dengan pertemuan zuriat bekas kekasih lama. Cerpen ini tentunya berjaya menghadirkan sebuah cerita, tentang seorang nenek yang mempunyai kisah cinta lampau yang menyayat hati. Tetapi pembaca tidak menemui apa mesej yang ingin disampaikan cerpen ini; lalu menjadikan cerpen ini hanya sebuah fenomena kehidupan yang umum dan tidak memberikan sebarang mesej yang berkesan serta berguna kepada pembaca.

“ Monolog Kemerdekaan” karya Melati Biru banyak berlegar dalam monolog watak 'Dia' yang berfikir tentang pelbagai perkara berkenaan ancaman oleh segelintir pihak yang berkepentingan terhadap kemerdekaan yang dikecapi. Monolog dia bercakap tentang sikap dan kelakuan pihak-pihak tertentu yang mengucarkacirkan hidup masyarakat yang merdeka hari ini, sehingga mereka semakin kehilangan makna perjuangan dalam konteks mempertahankan kemerdekaan. Cerpen ini memaparkan apa sahaja yang terlintas, dan adakala menjadikan cerpennya sebagai luahan

perasaan yang tidak berhujung pangkal. Penyudah cerita agak janggal, dengan Dia dikejutkan oleh Pak Joko seorang lelaki Indonesia yang ditemui dan dibawanya pulang. Cerpen yang bercakap dengan penuh idealistik tentang jiwa kemerdekaan Malaysia tiba-tiba 'disedarkan' oleh seorang lelaki asing yang tinggal di jalanan. Apakah relevannya dan apakah signifikannya percakapan tentang sebuah kemerdekaan yang tiba-tiba membangunkan watak seorang lelaki asing menjadi begitu besar dan penyudah kepada cita-cita kemerdekaan cerpen ini. 'Jiwa' cerpen ini juga tidak merdeka, lalu kegusaran dan kesedaran tentang kemerdekaan seperti menjadi hipokrit dan sangat tipis kekentalan jiwa merdekanya. Cerpen ini ingin menyampaikan mesej tentang pengisian kemerdekaan yang kosong malah sikap berkepentingan yang boleh menggugat kestabilan. Tetapi apa yang ingin disampaikan bersimpang-siur oleh kerana ketiadaan plot

cerita yang kuat dan pergerakan cerpen ini terkurung dalam monolog yang tidak berhujung pangkal.

Cerpen terakhir, “Terperangkap” oleh Mad Sakiran Haji Sulaiman bertolak daripada dilema protagonis Razlin terhadap keselamatan bangunan yang didiaminya dan penghuni lain akibat tangga tidak dibina dengan spesifikasi keselamatan yang betul. Tangga bangunan dilihatnya sebagai

Cerpen yang bercakap dengan penuh idealistik tentang jiwa kemerdekaan Malaysia tiba-tiba 'disedarkan' oleh seorang lelaki asing yang tinggal di jalanan. Apakah relevannya dan apakah signifikannya percakapan tentang sebuah kemerdekaan yang tiba-tiba membangunkan watak seorang lelaki asing menjadi begitu besar dan penyudah kepada cita-cita kemerdekaan cerpen ini.

persediaan penting keselamatan jika berlaku perkara tidak diingini. Maka tangga bangunan harus dibina dengan spesifikasi keselamatan yang betul. Razlin dihantui rasa gusar dan bimbang oleh binaan tangga yang tidak cukup bersedia untuk menghadapi situasi kecemasan. Razlin menyatakan kebimbangannya kepada rakannya Sevanegar, dan mereka berkongsi kebimbangan yang sama. Perbualan Razlin dan Sevanegar kemudiannya berkisar kepada cadangan dan bagaimana struktur tangga perlu dibina dengan spesifikasi keselamatan yang betul. Cerpen ini menyampaikan mesej tentang persediaan keselamatan penghuni bangunan dengan mengangkat subjek pembinaan tangga perlu memperkirakan spesifikasi keselamatan yang betul. Cerpen ini boleh dikatakan mempunyai pesan atau mesej yang cuba menyedarkan pembaca tentang aspek keselamatan. Tetapi cerpen ini tidak mempunyai struktur cerita yang kuat, oleh tiadanya unsur konflik dan babakan cerita yang menyediakan pergerakan klimaks. Cerpen ini bergerak mendatar, dengan cerita yang berjelajela dan berakhir begitu sahaja.

Ketiga-tiga buah cerpen tersebut, secara umumnya dilihat kurang berjaya dari sudut penyampaian cerita dan penyampaian mesej. Pertamanya, struktur cerita yang menghadirkan penceritaan atau pengisahan tidak bergerak atas plot yang kuat. Lantaran itu

cerita bergerak mendatar dan hambar, malah cerpen “Monolog Kemerdekaan” menjadi kucar-kacir penceritaannya oleh penulisan yang lebih cenderung kepada luahan perasaan yang kabur. Struktur cerita yang melibatkan watak dan latar juga adalah lemah, dengan penumpuan yang tipis. Keduanya, pengisahan cerita, tidak dilakukan dengan baik sama ada dari segi pemikiran ataupun kesan emosi. Tiada pemikiran yang kuat dihadirkan dalam ketiga-tiga cerita. Malah unsur paling asas dalam pengisahan cerita, iaitu kesan emosi juga tidak berjaya dimunculkan dalam ketiga-tiga cerpen ini. Mungkin cerpen “Ang Sau Fan” sedikit berjaya menimbulkan kesan emosi percintaan tetapi ia tetap tidak begitu kuat untuk diangkat sebagai kesan emosi yang berjaya.

Kesimpulannya, pernyataan Levi-Strauss tentang cerita harus wujud sebagai alat menyampaikan pesan atau mesej bagi menggambarkan fenomena kehidupan masyarakat tidak berlaku dalam ketiga-tiga cerpen ini. Pembaca tidak menemui walau seperangkat tanda atau simbol pun dalam memberikan mesej yang menimbulkan kesan. Walaupun cerpen-cerpen ini dibina untuk menggambarkan fenomena kehidupan masyarakat, tetapi tanpa mesej yang berkesan ketiga-tiga cerpen ini dilihat kurang berjaya membangunkan fenomena hidup masyarakat yang realistik, jitu dan berkesan. ❧



Aki Awaiku

Masa mudamu ketika kecilku
aku selalu kagum dengan dirimu
engkau bergelumang lumpur
mengerjakan bendang sawahmu tanpa
sepatu
aku mahu ikut main lumpur!
Aki Awaiku tidak izinkan
akupun duduk menunggu.

Waktu hujan turun
Aki Awaiku masih di situ tunduk
mencangkul
aku masih mahu menunggu
tapi apabila Aki Awaiku pandang
aku berlari pulang.

Aki Awaiku, sewaktu hari-harimu kelabu
aku melihat engkau buntu
aku bertanya sesuatu
kau hanya berlalu dengan seribu kerut di
dahimu
bercelarukah engkau Aki Awaiku?

Aki Awaiku
hari itu, aku menemanimu
masuk ke hutan ikut jalan berliku
menebas semak duri untuk mencari buluh
bambu
aku diam membisu risau dan kaku
takut bertemu hantu di balik bambu
tapi kata Aki Awaiku, hantu sudah diusir
aku lega mendengar itu.

Aki Awaiku, waktu berlalu seakan berlari
kini aku sudah dua puluh satu tahun
kau juga semakin berusia
terlalu tua di mataku
namun aku ingin selalu bertemu
denganmu.
tapi Aki Awaiku mengapa kau selalu
menjauh

hilang di duniamu sendiri
merenung di kejauhan di balik rimbunan
pohonan bambu
mungkinkah merindui masa silammu
sepikah hatimu sesepi bambu tua itu Aki
Awaiku?

Aki Awaiku, di hari-hari tuamu
kau selalu lesu, lanjung tidak lagi kau
galas di bahu
cangkul tidak lagi kau pikul
hutan bukan lagi tempatmu mencari
puluhan buluh bambu
rumah seakan penjara bagimu
kau selalu tertunduk bisu
penderitaanmu tidak bertanggung oleh
jasadmu
saat matamu layu memandang wajahku
aku senyum sambil memanggil namamu
sakit, pedih dalam hatiku
maafkan aku Aki Awaiku
aku tidak bisa membantu.

Aki Awaiku, senja Sabtu itu
tubuhmu terlalu kaku kau pergi
meninggalkan deritamu di rumah
bambumu
tinggalkan lagu-lagu waktu mudamu masa
kecilku
tinggalkan rimbunan pepohon bambu
kesepian
tinggalkan aku bersendirian.

Aki Awaiku yang aku sayangi
ribuan rindu hatiku buat dirimu
Kutipkan lewat angin syahdu yang
berlalu
Terima kasih Tuhanku terimalah Aki
Awaiku seadanya
ampunilah dosanya di masa lalu.

Normadiah Nassir




Sebelas Orang Penulis Menerima Penghargaan PERWILA

oleh MASMAH MOHD. ALI

Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA) telah memberikan penghargaan kepada sebelas orang penulis yang menyumbangkan karya mereka dalam antologi *Puisi Sepulau Sekasih Kita*. Antologi terbitan Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA) itu, memuatkan 115 buah puisi para penulis Labuan. Antologi tersebut diterbitkan pada tahun 2009 dan telah dicetak ulang pada tahun 2013.

Majlis penghargaan kepada para penulis *Puisi Sepulau Sekasih Kita* diadakan sempena ulang tahun PERWILA yang ke-29, pada 28 April 2014 di Restoran Tom Yam, Wilayah Persekutuan Labuan. Penghargaan diberikan sebagai tanda terima kasih dan galakan kepada penulis Labuan untuk terus berkarya. Para

penulis yang diberikan penghargaan antaranya, Faten Hamama Abd. Hadi, Hajah Hasnah Sambas, Haji Othman Mahali, Maharatu Rafidah Mohamad, Norgadis Labuan, Samsa Harris, Suili Bakar ANS, Yahya Ahmad Puteh, Isma R.H, Suardi Ismail dan Lia Maisarah.

Mereka masing-masing menerima 10 naskah antologi *Puisi Sepulau Sekasih Kita*, Edisi Kedua dan wang tunai bernilai RM100. Tiga orang editor antologi tersebut masing-masing mendapat penghargaan wang tunai bernilai RM100. Pada majlis yang sama, Hj. Othman Mahali dan Hajah Hasnah Sambas juga menerima Anugerah Khas “Setia Bersama PERWILA” sumbangan Norgadis Labuan atas jasa mereka kepada Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA) sejak ditubuhkan pada tahun 1985. 

Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit


oleh NORASDINA ASRI

Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah telah melaksanakan acara Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit sempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia. Acara ini telah diadakan pada 22 April 2014 di Sudut Penulis, DBP Cawangan Sabah. Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit dilaksanakan secara serentak di seluruh negara bermula pada pukul 10.00 pagi hingga 10.10 pagi. Acara ini mengambil inspirasi daripada konsep *Earth Hour*, pada hari berkenaan rakyat Malaysia berhenti sebentar dan membaca bersama-sama selama 10 minit.

Acara telah dimulakan dengan Sembang Buku oleh pegawai dan kakitangan DBP Cawangan Sabah. Panel Sembang Buku terdiri daripada Norishah Saidin, Jaliha Jaman dan Rayner J. Francis. Masing-masing berkongsi pengalaman tentang bahan bacaan yang

mereka minati. Tepat pada pukul 10.00 pagi, seramai 40 orang kakitangan DBP Cawangan Sabah dan ahli-ahli Rakan Dewan telah membaca bahan bacaan selama 10 minit.

Acara ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Jamaluddin Mohd Sulong, Pengarah DBP Cawangan Sabah. Pada majlis yang sama, Pusat Dokumentasi Melayu DBP Cawangan Sabah telah memperkenalkan Hadiah Galakan Membaca. Norishah Saidin, Rasyidah Mohd. Adnan dan Zaharudin Abd.Rahman telah menerima Hadiah Galakan Membaca bagi kategori staf DBP Cawangan Sabah. Sementara itu, Normala Hashim, Norshaida Abd. Latif dan Norhamizah Abu Hasan telah menerima Hadiah Galakan Membaca bagi kategori Rakan Dewan. Pemenang telah menerima baucar buku bernilai RM100.00 dan sijil penghargaan. **W**



Nyanyian Rindu

*Kau daerah yang kutinggalkan
dengan sejarah pusaka yang tetap terjulang
masih setia dengan panji gemilang
memetik ranum cinta atas nama warisan
membentuk daerah penuh kesempurnaan.*

*Kuziarahi sunyi dusun tinggalan keringat akin poduman
aku selalu ingin pulang menggamit rindu anak-anak
kenangan
mengharumkan taman tradisi desa peradaban
kita masih mencari sebuah kemurniaan
menghela nafas kemerdekaan.*

*Aku tak akan meninggalkanmu
Tuaranku.*

Norjannah MA

Ini Baru CEO

oleh Zaharudin A.R

Judul Buku: *CEO Baru*
Penulis: Osman Ayob

Novel Osman Ayob, *CEO Baru* (DBP:2013) merupakan hasil karya beliau yang menyimpang daripada tema kekeluargaan dan masyarakat kampung yang biasa dipersembahkannya dalam novel-novel sebelum ini. Dalam novel ini, Osman Ayob menerokai kehidupan seorang *Chief Executive Officer* (CEO), jawatan yang paling berprestij dalam sesebuah organisasi perniagaan. CEO ditawarkan dengan ganjaran yang sangat lumayan kerana beliau merupakan sebagai nakhoda sesebuah syarikat. CEO diberikan kuasa veto bagi melaksanakan sebarang tindakan yang difikirkan perlu agar syarikat dapat terus bernafas serta mengaut keuntungan.

Dalam novel ini, Dr. Fazlan yang dilantik sebagai CEO baharu, menggantikan CEO lama yang dianggap tidak mampu lagi memikul beban untuk memberi nafas semula kepada syarikat Gulung Dawai Berhad (GDB) yang semakin tenat. Dr. Fazlan terpaksa berhadapan dengan 'orang lama' syarikat seperti Husin (Pegawai Sumber Manusia), Mohideen Thamby (penjaga stor), Safuan, Razuan, Bahar, Kamal, Syamsul, Bakar dan Badarudin. Orang lama inilah yang perlu diubah sikap dan minda mereka semula supaya dapat memberikan sumbangan secara aktif dan produktif kepada syarikat.



Dr. Fazlan menggariskan strategi yang keras, drastik dan tegas bertujuan untuk membangunkan kembali prestasi syarikat. Sebagai CEO baharu GDB, yang menerima tanggungjawab untuk memulihkan keadaan syarikat yang bermasalah, Dr. Fazlan terlebih dahulu mengorientasikan dirinya sendiri untuk menerima amanah tersebut dengan penuh komitmen jiwa dan raga.

Dr. Fazlan ialah seorang CEO yang berprinsip, bersemangat jitu serta berjuang untuk membangunkan syarikat dan tidak menjadikan syarikat sebagai sebuah tempat untuk memenuhi kepentingan diri. Dalam dunia yang mengejar wang pada hari ini, bukan perkara luar biasa apabila seseorang CEO sanggup meninggalkan syarikat lama setelah menikmati segala keistimewaan yang diberikan, semata-mata mengejar ganjaran yang lebih baik di tempat lain.

Masalah yang paling besar bagi seseorang CEO syarikat ialah memberikan fokus kepada kualiti pekerja sebagai aset utama syarikat. Bagaimanakah caranya mengurus kakitangan yang tidak produktif untuk terus berdayung bersama-sama syarikat? Di sinilah bermulanya konflik dalam novel *CEO Baru*.


Syarikat GDB terpaksa mengalami penstrukturan semula yang membabitkan penjenamaan semula supaya lebih berdaya saing untuk menyesuaikan dengan arus globalisasi. Dr. Fazlan memulakan langkah dengan penawaran Pelan Pemberhentian Sukarela (PPS) kepada semua pekerja sebagai satu kaedah untuk mengurangkan kos operasi syarikat. Secara langsung langkah ini dapat mengurangkan staf lama yang berpendapatan tinggi dan memaksimumkan tenaga staf yang tinggal secara lebih berkesan.

Teknik penceritaan dan jalan cerita yang mudah serta pelbagai konflik yang diketengahkan oleh penulis sememangnya wujud dalam dunia pekerjaan pada setiap masa dan tempat. Tindakan yang diambil oleh Dr. Fazlan yang pada mulanya tidak popular dalam kalangan kakitangan, akhirnya berjaya memulihkan syarikat dan membawanya ke puncak jaya setelah hasil usaha yang bersungguh-sungguh. Langkah mencari

pasaran baru, menyelesaikan stok yang bertimbun di stor serta iklan dan promosi secara teratur, akhirnya menghasilkan pulangan yang memberangsangkan. Syarikat GDB akhirnya dapat dipulihkan dan jalan cerita novel ini berakhir dengan kejayaan syarikat.

Walau bagaimanapun, dalam keghairahan beliau berkarya ini, Osman Ayob kadangkala terlepas pandang pada gaya bahasa yang digunakan. Penulis terbawa-bawa dengan bahasa persuratan sehingga menjadi janggal kepada watak seorang penjaga stor seperti Mohideen Thamby yang mengungkapkan ayat, “Encik Kamal dan lain-lain eksekutif atasan yang mengetuai bahagian masing-masing, ada peranan tersendiri dalam merealisasikan skim ini supaya mencapai matlamat yang ditetapkan pengurusan syarikat”. Frasa *merealisasikan skim* bukanlah bahasa percakapan harian bagi seorang penjaga stor. Seelok-eloknya, kesesuaian watak dengan bahasa yang digunakan semestinya lebih berpijak di bumi nyata. Dengan judul novel yang bersifat kontemporari, penulis berjaya mempersembahkan jalan ceritanya dengan mudah di samping penggunaan istilah-istilah korporat yang berat dan asing kepada orang awam seperti CEO, ESOS, GDBD, KPI, PPS, PSM, QCC dan 5S.

Penulis telah menentang seorang CEO yang berjiwa besar dan berwawasan jauh serta memiliki skil perancangan yang strategik serta sentiasa fokus kepada perkembangan semasa. Selain itu, sumbangan idea dan tenaga daripada eksekutif kanan syarikat, eksekutif muda yang masih mencari pengalaman dan semua peringkat bukan eksekutif amat berharga agar survival syarikat terus berada di persada dunia perniagaan.

Segala aspek penulisan novel yang membabitkan tema, plot, teknik penceritaan, watak dan gaya bahasa membuktikan bahawa penulis merupakan seorang yang berpengalaman dan menguasai teknik penulisan sebuah novel. Meskipun novel ini sebuah novel yang kecil (199 halaman) tetapi sangat menarik untuk dibaca dan pada masa yang sama membawa mesej dan sangat konstruktif. 

Tidak Seindah Impian

*Ya, Allah berikan dia kekuatan
titipkan dia kesabaran
menerima ujian dengan lapang hati
kekuatan jiwa menghadapi musibah.
Inilah takdirnya
tidak berupaya dikau menolak
ketentuan ini mengukur sejauh mana iman di hati
sahabatku, tidak ada yang kekal di alam ini
hidup dan mati satu perjanjian
lambat atau cepat pasti datang
Kuat dan tabahkan hatimu melaluinya.
Sahabatku, zikirkan asmaulhusna menghilangkan resahmu
berikan dia kekuatan
mendepani perjalanan hidupnya yang berliku
hidup ini tidak seindah impian.*

Sitti Rahmah G. Ibrahim

Kasih Ibu

*Andainya aku seorang pujangga
akan kutulis sebuah puisi
lahir dari lipatan hati
yang sentiasa merindu
bagaikan pungguk merindui bulan
sentiasa mencari anak-anak
yang kulahirkan
yang kudidik dan kumanjakan
telah menghilang daripada pandangan
entah di mana
apakah mereka telah lupa
bahawa kasih ibu
bagaikan air laut
nan luas tiada bertepi.*

*Andainya aku seorang pujangga
kucipta puisi kasih ibu untuk mereka
tetapi ibu hanya insan biasa.*

Dayang Salmah Salam

Mentari

*Kau bersembunyi
di balik dedaun resah
terbitmu nanti
sinar menyuluh serata maya
yang muram dan suram
andai tanpamu
walau sedetik cuma.*

*Cahaya
simbah daku
beri kehidupan
untuk fotosintesis diri
agar tidak layu dibaham puaka
yang melaram
suram bungkam seram.*

*Andai saja bisa kugapai
kupertikmu
kutatah di dadaku
biar cahayamu
menyeruak membahang
dari hasratku
namun aku sekerdil biji sawi
ranap luluh hancur
dalam simbahan
cahaya rahmat-Mu.*

*Mentari
bersinar lagi
salut daku
dengan lelehan peluh
mandian hangat
bersamamu.*

Zubir Osman

Syair Pesanan kepada Belia

*Alhamdulillah kutadahkan tangan,
Mohon rahmat daripada Tuhan,
Para belia daku berpesan,
Kuatkan iman berpecah jangan.*

*Syukur Tuhan rahmat diberi,
Nasihat pesanan pedoman diri,
Hidup usahlah menjadi duri,
Jangan berdengki bersulam iri.*

*51 tahun Sabah merdeka,
Hindari alpa dan buanglah leka,
Hidup muafakat minda terbuka,
Negara maju tuju ke muka.*

*Bumi bertuah bumi berdaulat,
Pelbagai kaum hidup sepakat,
Banyak budaya berbagai adat,
Tiada sengketa hubungan erat.*

*Kukuh berpadu rakyat bersatu,
Hidup harmoni semangat jitu,
Berganding bahu bantu-membantu,
Kekal bahagia dalam restu.*

*Salam kasih pejuang silam,
Berbagai agama di bumi salam,
Ikhlas berjuang siang dan malam,
Moga Tuhan lapangkan makam.*

Cliff A. Kamijan